

CREATE

Universiti Teknologi Pilihan Utama



Mei - Ogos 2014

BIO JOHOR
BIOTECHNOLOGY CONFERENCE & EXHIBITION
Unlocking Johor's Bioeconomy Potential



UMP jalin kerjasama dalam pembangunan bioteknologi

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



Bicara Kemerdekaan hayati semangat perjuangan rakyat Palestin



Cendekia Bitara iktiraf sumbangan penyelidik dan pensyarah UMP



Kandungan



4 UMP jalin kerjasama dalam pembangunan bioteknologi



5 Tuanku Canselor meriahkan majlis berbuka puasa bersama warga UMP



6 Cendekia Bitara iktiraf sumbangan penyelidik dan pensyarah UMP

- 8 UMP sumbang kepakaran bantu Kolej Komuniti dalam Teknologi Hibrid
- 9 100 sertai Seminar TECHSE
- 10 Persidangan Antarabangsa Automotif bincang kenderaan teknologi hijau
- 12 Kualiti dan Inovasi teras budaya kerja cemerlang warga UMP
- 14 UMP anjur Seminar Pengajian Martabatkan Warisan Legasi Negeri Pahang
- 16 Persidangan Statistik kumpul pakar Matematik dan Sains
- 17 UMP terima sumbangan 30 ribu zakat Bank Islam
- 18 UMP giat promosi peluang pendidikan untuk pelajar Uzbekistan
- 19 FTek lawat USQ bincang program dwi-ijazah Program Pengurusan Infrastruktur
- 20 UMP pupuk budaya kerja yang selamat dalam komuniti
- 21 UMP raih 5 pingat emas dan Anugerah Khas dalam INPEX Amerika Syarikat
- 22 Penyelidik muda menang 9 pingat, 2 anugerah khas dalam IYIC 2014 Seoul
- 23 UMP raih 23 pingat dan anugerah khas dalam ITEX 2014
- 24 UMP anjur Majlis Jasa Dikenang
- 25 Bicara Kemerdekaan hayati semangat perjuangan rakyat Palestin
- 26 Klik-Klik Lensa
- 28 `Ramadan Jangan Pergi, Palestin Dekat di Hati' bincang konflik kemanusiaan penduduk Palestin
- 29 Kenaikan pangkat staf dan alumni UMP dalam Askar Wataniah
- 30 FSKKP anjur bengkel kesedaran ICT untuk tingkat ekonomi wanita
- 31 Program Singgah Sahur bantu erat hubungan dengan masyarakat
- 32 UMP dan ECERDC anjur program motivasi perdana untuk calon UPSR luar bandar
- 33 Persatuan Matahari rai anak yatim, sumbang kelengkapan raya
- 34 Mahasiswa FTek pelajari kemahiran baiki telefon bimbit
- 35 Explore Kapit kongsi inovasi pelajar dengan komuniti rumah panjang
- 36 Larian Amal Penyayang UMP jayakan Kempen Gaya Hidup Sihat
- 37 Pementasan mantap Kumpulan Teater WARIS dalam kisah "Pelamin Si Buyung"
- 38 Pelantikan baharu/penyambungan jawatan giliran
- 39 Mohd Ihsan bukti graduan UMP mampu urus projek di luar negara
- 40 Institusi Repositori UMP: Ke Arah Penarafan Universiti
- 42 Terbitan Terkini
- 44 Di Sebalik Penubuhan *Eyes of UMP*
- 46 Bakat Kepimpinan Bentuk Pasukan Berprestasi Tinggi
- 48 Strategi lautan biru UMP bersama ECERDC dalam membangunkan masyarakat luar bandar



PENAUNG

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim
daing@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Abd Rahman Haji Safie
arahman@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Baharuddin
safriza@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Mohd. Raizalhilmy Mohd Rais
hilmy@ump.edu.my

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Siti Aishah Ghani
sitiashah@ump.edu.my

Lily Azwati Ab. Latip
lily@ump.edu.my

Hazlina Faizal
haz@ump.edu.my

Raihana Sulaiman
raihana@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Azman Md Diah
azmanm@ump.edu.my

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my



JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

PENGEDARAN

Ahmad Mahdi Sulaiman
mahdi@ump.edu.my

Buletin *CREATE* diterbitkan tiga kali setahun. Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem data digital, atau disiarkan dalam apa-apa jua perkara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Editor.

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap tulisan yang diterima untuk penyiaran selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya menggambarkan atau mencerminkan pendapat dan sikap Buletin *CREATE*. Karya yang disiarkan tidak boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab juga atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sumbangan karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penerbit di:

EDITOR

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak
26300 Gambang, Kuantan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-549 3184
Faks: 09-549 3199
e-Mel: safriza@ump.edu.my

Dari Meja Ketua Editor

Abd Rahman Haji Safie

UMP tidak lekang dengan kejayaan

Salam 1 Malaysia dan Salam 1 UMP.

Dalam setiap keluaran *Create* tidak pernah ketinggalan menyajikan begitu banyak kecemerlangan dan kemampuan yang telah dibuktikan oleh UMP sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Memasuki pertengahan tahun ini, UMP tidak ketinggalan Dalam mengukir kegemilangan dan aktiviti-aktiviti walaupun dibatasi dengan pelbagai cabaran dalam menjalani tugas sehari-hari.

Bermula dengan episod pembudayaan berinovasi dan bersemangat tinggi dalam dunia penyelidikan, UMP sekali lagi telah meraikan para penyelidik di dalam majlis prestij Cendekia Bitara yang mana memberi pengiktirafan pada para penyelidik UMP yang berjaya mengharumkan nama UMP di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Lebih bermakna lagi majlis ini turut dihadiri oleh YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Adnan Haji Yaakob. Sesungguhnya dengan kehadiran beliau amat bermakna sekali buat warga UMP yang turut sama-sama meraikan kejayaan di dalam majlis tersebut.

UMP juga mencipta sejarah tersendiri apabila menjalinkan kerjasama dengan Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (BioTechCorp) dan Johor Biotechnology & Biodiversity Corporation (J-Biotech) yang telah disaksikan oleh Menteri Besar Johor, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin. Majlis bersejarah ini merupakan pemangkin kepada usaha memajukan teknologi bioteknologi yang dilihat amat penting untuk dunia sejagat dewasa ini. Semoga termetrinya kerjasama ini, para penyelidik UMP berpeluang untuk bergiat lebih aktif dalam bidang ini kelak.

Seterusnya dalam mengikuti rutin kejayaan yang dipaparkan dalam setiap keluaran *Create*, maka untuk kali ini juga para penyelidik muda UMP turut membanggakan universiti apabila merangkul tujuh pingat emas, dua pingat gangsa dan dua anugerah khas dalam Pertandingan International Youth Invention Contest (IYIC) yang berlangsung di Seoul, Korea Selatan. Begitu juga dalam Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa 2014 (ITEX'14) yang mana penyelidik UMP meraih kejayaan besar apabila memenangi sembilan pingat emas, sebelas pingat perak dan tiga pingat gangsa. Semoga para penyelidik UMP terus mencipta nama dan lebih berdaya saing serta berinovasi dalam dunia penyelidikan. Syabas diucapkan!

Selain mengetengahkan kejayaan dalam bidang penyelidikan yang merupakan nadi utama sesebuah institusi pengajian tinggi, kami di UMP juga amat teruja akan kejayaan di dalam pelbagai bidang dan menghargai sumbangan bakti warga kerja UMP terutamanya kejayaan dalam penarafan 5 bintang bagi *Malaysia Government Portals and Websites 2013* oleh Multimedia Development Corporation Malaysia (MDec).

Dan, yang menarik juga untuk edisi kali ini ialah kami memperkenalkan *Eyes of UMP* iaitu Galeri UMP yang menyimpan seribu satu memori sepanjang UMP ditubuhkan untuk dikongsi dengan seluruh masyarakat. Penubuhan Galeri ini diharapkan dapat memberi nafas baharu dalam merencanakan lagu dunia pendidikan dan penyelidikan yang sedia ada di UMP. Selain dikenali dengan kehebatan makmal-makmalnya yang bertaraf dunia, sekali lagi tercipta satu episod baharu dalam sejarah penubuhan UMP apabila galeri UMP ini terbina dengan berlandaskan impian dan cita-cita besar UMP untuk menjadikan ia sebagai sebuah khazanah yang cukup bermakna sekali dan sekaligus ia dapat menggambarkan apa UMP sebenarnya.

Di akhir tinta, semoga segala perancangan dalam merencanakan lagi kegemilangan UMP ini dapat dijalankan dengan jayanya. Diharapkan UMP terus mencipta kejayaan seperti mana yang dilaksanakan saban tahun, malahan lebih hebat lagi agar setiap kejayaan ini dapat disimpan kukuh dan menjadi ingatan serta pemangkin buat semua warga UMP.

Abd Rahman Haji Safie



Usaha berterusan ini akan memperkukuhkan tahap kebolehpasaran graduan melalui pendekatan kolaborasi industri dan akademik. Selain itu, jaringan kerjasama institusi pengajian tinggi (IPT) dan industri ini penting dalam memacu pembangunan ekonomi negara bagi menjadikan Malaysia sebagai negara yang lebih kompetitif untuk bersaing di persada antarabangsa.

UMP jalin kerjasama dalam pembangunan bioteknologi

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menandatangani kerjasama dengan Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (BioTechCorp) dan Johor Biotechnology & Biodiversity Corporation (J-Biotech) dalam usaha membangunkan modal insan dan teknologi berasaskan bioteknologi.

Majlis bertukar dokumen berlangsung bersempena penganjuran Majlis Perasmian Berlangsung dan pameran Bio Johor 2014 yang dirasmikan Menteri Besar Johor, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin yang berlangsung di Hotel Puteri Pan Pacific Johor Bahru pada 25 Ogos 2014 yang lalu.

Dalam majlis, Dato' Seri Mohamed Khaled menyaksikan acara bertukar dokumen antara Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim

dengan Ketua Pegawai Eksekutif BioTechCorp, Dato' Dr. Mohd. Nazlee Kamal dan Ketua Pegawai Eksekutif J-Biotech, Wan Amir Jeffery Wan Abdul Majid.

Dato' Seri Khaled mengumumkan kerjasama ini membolehkan usaha membangunkan modal insan dalam teknologi berasaskan bio menerusi penubuhan National Biotechnology Talent Development Centre (NBTDC) yang dijangka beroperasi pada Januari 2015.

NBTDC mengenal pasti keperluan pembangunan modal insan dalam industri bioteknologi serta menyediakan kepakaran dan pengetahuan dalam bidang ini. Selain itu, ianya turut berperanan dalam menguruskan permintaan dan keperluan terhadap industri ini termasuk perkongsian teknologi.

Naib Canselor UMP yang ditemui berkata, UMP bangga apabila diberi kepercayaan sebagai peneraju dalam mengembangkan Pusat Kecemerlangan Industri (I-CoE) dalam industri bioteknologi di Malaysia.

Pada tahun lalu, UMP dan Manipal International University (MIU) merupakan peneraju untuk mengembangkan I-CoE dalam industri bioteknologi melibatkan bidang berkaitan kejuruteraan kimia, perindustrian dan pemakanan di Malaysia.

"Usaha berterusan ini akan memperkukuhkan tahap kebolehpasaran graduan melalui pendekatan kolaborasi industri dan akademik. Selain itu, jaringan kerjasama institusi pengajian tinggi (IPT) dan industri ini penting dalam memacu pembangunan ekonomi

negara bagi menjadikan Malaysia sebagai negara yang lebih kompetitif untuk bersaing di persada antarabangsa," katanya.

Hadir sama dalam majlis, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff, Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti), Profesor Dr. Shamsuddin Baharin dan Pensyarah Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI), Profesor Madya Dr. Saiful Nizam Tajuddin.

Dalam program yang sama, Pejabat Penyelidikan dan Inovasi turut berkongsi kepakaran dengan mempamerkan projek penyelidikan penyelidik UMP sepanjang pameran yang berlangsung selama tiga hari itu di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor.

Tuanku Canselor meriahkan majlis berbuka puasa bersama warga UMP



Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Hajj ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang merupakan Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP) berkenan berangkat memeriahkan Majlis Berbuka Puasa bersama lebih 1,000 warga UMP yang berlangsung di Masjid UMP Gambang pada 10 Julai 2014 yang lalu.

Majlis turut dihadiri, Menteri Besar Pahang, YAB Dato' Seri Diraja Haji Adnan Haji Yaakob, Timbalan Yang di-Pertua Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang Orang Kaya Indera Pahlawan, Dato' Sri Wan Haji Abdul Wahid Haji Wan Hassan.

Dalam majlis ini, Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah turut berkenan menyampaikan sumbangan zakat kepada seramai 100 pelajar UMP yang terdiri daripada anak yatim dan golongan yang memerlukan.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, sumbangan yang diterima ini adalah daripada pihak Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) untuk diagihkan kepada pelajar yang layak bagi menampung perbelanjaan mereka di universiti ini.

"Bantuan zakat itu bukan sahaja meringankan beban

untuk membeli keperluan menyambut Ramadan malah dapat membantu mereka meneruskan pengajian, dan sumbangan itu juga merupakan motivasi kepada pelajar miskin untuk berjaya dengan cemerlang dalam pengajian masing-masing.

"Bagi meringankan bebanan pelajar, pihak UMP juga turut menganjurkan program Ihya' Ramadan di dalam kampus. Ini termasuklah aktiviti rawang di mana juadah berbuka disediakan secara bergotong-royong oleh staf dari pelbagai pusat tanggungjawab mengikut giliran hari mulai 1 Ramadan hingga 26 Ramadan nanti," katanya.

Tambah beliau, dengan kos keseluruhan sebanyak RM 78,000 bagi 26 hari tersebut iaitu RM 3,000 setiap hari, juadah tersebut dapat disajikan untuk jamaan *ifthar jama'ie* bagi staf dan mahasiswa di UMP Kampus Gambang dan UMP Pekan.

Menurut Dato' Dr. Daing, keseluruhan perbelanjaan tersebut dibiayai oleh Tabung Aktiviti Ramadan UMP hasil sumbangan tunai warga universiti ini serta tajaan jamaan *ifthar jama'ie* oleh para dermawan.

Selain itu juga, program Ihya' Ramadan di UMP turut diisi dengan ibadah solat terawih berjemaah, tazkirah Zuhur, tadarus al-Quran dan seminar khas sempena sambutan Nuzul

Quran.

Ujar beliau, dengan infrastruktur dan kemudahan yang telah menjalani proses naik taraf di Masjid UMP Kampus Gambang dan UMP Pekan, maka aktiviti-aktiviti tersebut dapat dilaksanakan dengan penuh kelesaan oleh warga universiti ini.

Agenda pengisian Ramadan ini membuktikan komitmen tinggi warga universiti ini, sama ada staf mahu pun mahasiswa terhadap aktiviti-aktiviti bercorak amal dan kesukarelawan. Malahan, komitmen ini tidak hanya terserlah sepanjang bulan Ramadan, tetapi turut berkesinambungan pada bulan-bulan yang lain.

Pelbagai inisiatif libat sama (*engagement*) universiti-komuniti dimanfaatkan UMP agar kewujudannya dirasai dan kepakaran yang dimilikinya turut boleh dikongsi dengan masyarakat akar umbi.

Selain komitmen berterusan terhadap projek khidmat komuniti di tanah air, kini skop agenda kesukarelawan warga kerja, mahasiswa dan alumni UMP telah turut meliputi komuniti serantau dan antarabangsa.

Antaranya termasuklah membantu saudara seagama di negara Kemboja dengan Misi "We Serve, We Care" sejak Ogos 2013 yang menasarkankan 13 projek

pembangunan infrastruktur dan modal insan untuk warga Madrasah al-Nikmah al-Islamiyyah di Kampung Bait An Long di Wilayah Kompong Cham, Kemboja.

Begitu juga Misi "Titik Sentuhan" di Indonesia sejak tahun lalu yang memberi tumpuan kepada pembangunan sosio-ekonomi dan literasi ilmu terhadap masyarakat di Dusun Ngepring yang terletak di pedalaman Daerah Istimewa Yogyakarta.

Hadir sama dalam majlis Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Panching, YB Dato' Mohd Zaili Besar, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lepar, YB Dato' Sohaimi Jusoh, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Manis, Khairuddin Mahmud, Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato' Mohd Hilmey Mohd Taib dan ahli-ahli Lembaga Pengarah UMP.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Mortaza Mohamed, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin dan Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN), Dr. Mahyuddin Ismail.



Cendekia Bitara

iktiraf sumbangan penyelidik dan pensyarah UMP

Sebagai usaha menggalakkan budaya inovasi terhadap aktiviti penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran yang boleh dimanfaatkan sejagat, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Malam Anugerah Cendekia Bitara 2013 yang berlangsung di Hotel Zenith Kuantan pada 5 Mei 2014 yang lalu.

Malam Anugerah Cendekia Bitara (ACB) berjaya menyuntik semangat dalam kalangan warga UMP untuk berkarya dengan kreatif dan inovatif serta menghasilkan kecemerlangan terbilang dengan berpaksikan budaya penyelidikan unggul dan berkualiti tinggi.

Sebagai sebuah acara tahunan yang berprestij, Malam ACB direka bentuk khusus untuk mengiktiraf sumbangan bermakna dan pencapaian cemerlang warga UMP dalam aktiviti penyelidikan, pengkomersialan, penerbitan, kreativiti dan inovasi serta memperkenalkan Anugerah Akademik Universiti (AAU) dalam kalangan pensyarah yang cemerlang.

Majlis yang dirasmikan Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Dr. Haji Adnan Haji Yaakob dengan tema "Fire in the Blaze of Glory" pada penganjuran kali keenam ini ternyata mampu menyemarakkan lagi obor kecemerlangan universiti ini.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, pengukuran kedudukan dan penarafan universiti pada hari ini telah meletakkan pemberat (*weightage*) yang tinggi kepada aspek penyelidikan.

Justeru, dalam kerangka plan strategik dan laluan kecemerlangannya, UMP tercabar

untuk mengangkat agenda penyelidikan ke tahap yang lebih tinggi untuk kekal relevan dan kompetitif dalam sektor pengajian tinggi nasional dan antarabangsa.

Menurut Dato' Dr. Daing, dalam kerangka pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015, tumpuan besar terus diberikan untuk memperkasa aras pencapaian universiti ini dalam lapangan penyelidikan, kreativiti dan inovasi sebagai antara kriteria utama kecemerlangan jenamanya dengan dipacu aktiviti-aktiviti seperti mendapatkan geran penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi.

"Menyedari kepentingan bagi melindungi harta intelek, sehingga 2013 terdapat sebanyak 196 permohonan paten telah difailkan di Malaysia dan sepuluh paten difailkan di luar negara.

"Sebanyak sembilan paten telah mendapat geran atau *patent granted* dan dua daripadanya dari Amerika Syarikat. UMP juga melindungi harta inteleknya yang lain iaitu 29 hak cipta, 14 cap dagangan dan dua reka bentuk industri," katanya.

Beliau berbangga dengan kejayaan para penyelidik yang meraih 36 pingat emas, 25 pingat perak dan 12 pingat gangsa serta tujuh anugerah khas sepanjang tahun lalu di pertandingan sama ada dalam mahupun luar negara.

Begitu juga dengan penerbitan ilmiah, UMP konsisten memberi tumpuan terhadap kualiti berbanding dengan kuantiti apabila sehingga Disember 2013 sebanyak 340 penerbitan ilmiah telah dihasilkan oleh para pensyarah

UMP merangkumi karya asli, monograf, artikel jurnal, kertas persidangan, bab di dalam buku (*Chapter of book*) dan rencana ilmiah.

Katanya, lebih manis lagi apabila International Journal of Automotive and Mechanical Engineering (IJAME) telah diindeks oleh pangkalan data terkenal dunia iaitu SCOPUS dan Elsevier Bibliographic Database (EBD) dalam tempoh yang singkat, sekaligus membuktikan kemampuan UMP dalam menghasilkan kualiti penerbitan bertaraf dunia.

Beliau menambah, satu pangkalan data iaitu SCOPUS turut merekodkan dalam bidang kajian *dye-sensitized solar cell* dan *electrospinning*, UMP berada pada kedudukan pertama di Malaysia dari aspek jumlah citations yang diperolehi daripada penerbitan artikel-artikel jurnalnya, sekali gus mengatasi universiti-universiti penyelidikan yang lain.

Malahan, berdasarkan jumlah keseluruhan citations pula, UMP berada di kedudukan tertinggi dalam kalangan Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) yang memberi gambaran sebenar kualiti penerbitan yang telah dihasilkan oleh universiti ini.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, selaras dengan usaha melestarikan kewangan, UMP memperuntukkan satu kawasan yang dinamakan UMP Industrial Technology Engineering Creativity Space (ITECS) yang setakat ini mempunyai keluasan dengan 20 ekar bagi mengkomersialkan produk-produk penyelidikan melalui pembangunan pusat-pusat inkubator yang menawarkan peluang kerjasama dengan industri.

Bagi Dato' Dr. Daing Nasir, untuk terus kekal relevan terhadap kawasan sekitarnya terutama industri Petrokimia, UMP membangunkan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Aliran Bendalir Termaju (CARIFF) yang bernilai RM25.28 juta dijangka bakal memberikan impak kepada pertumbuhan ekonomi serta perancangan kerajaan di bawah pelan pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

UMP juga dilihat terus melangkah ke hadapan lagi dengan menjadikan Pahang sebagai Pusat Bio-Aromatik dengan pembangunan Pahang Bio-aromatic Park di atas tanah berkeluasan 180 ekar di Kampung Serenggam, Mukim Luit, Maran untuk membangunkan Pahang Bio-aromatic Park secara kerjasama dengan ECERDC dan BioTech Corp. Antara inisiatif yang digerakkan ialah membangunkan potensi komersial pati minyak dari tumbuhan herba yang dipanggil Nilam.

Malahan, penubuhan Pusat Kecemerlangan (CoE) Bio-Aromatik di UMP ini bakal menarik pelaburan daripada tiga syarikat antarabangsa Switzerland dan dua daripadanya akan dimetrai melalui memorandum persefahaman (MoU) bersama UMP tidak lama lagi.

Dalam majlis, Dato' Sri Diraja Haji Adnan menyaksikan acara pertukaran dokumen antara Dato' Dr. Daing Nasir yang mewakili UMP dan AJ Infinite Sdn. Bhd. iaitu syarikat milik alumni UMP ini yang diwakili oleh Syed Mohamad Hamzah al-Junid Syed Abdul Rahman melibatkan kerjasama dengan penyelidik UMP, Dr. Gurumurthy Hedge dalam menghasilkan produk mesra alam sekitar menggunakan beberapa fenomena berkaitan cahaya.

Antara produk yang akan dihasilkan adalah dalam menghasilkan papan bertulis berasaskan kaca yang tidak membahayakan kesihatan dan menggunakan keamatan UV yang rendah.

Dato' Sri Diraja Dr. Haji Adnan juga melahirkan rasa bangga dengan pencapaian UMP terutamanya dalam bidang penyelidikan dan berhasrat untuk membincangkan berkaitan penghasilan produk penyelidikan ini melibatkan usaha sama dengan kerajaan negeri Pahang.

Beliau turut menyampaikan sijil penghargaan kepada seramai 44 staf akademik yang menerima ACB daripada enam kategori anugerah yang diperkenalkan iaitu kategori tokoh, produk penyelidikan, penerbitan, kreativiti, paten dan geran antarabangsa.

Pensyarah Abdul Syukor Abd. Razak dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) menang bagi kategori tokoh dan paten. Selain beliau, Profesor Madya Dr. Arun Gupta dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) juga menang bagi kategori paten ini yang baharu diperkenalkan pada tahun ini.

Satu lagi kategori baharu diperkenalkan ialah geran antarabangsa yang dimenangi oleh Dr. Wan Mohd. Faizal Wan Ishak dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI). Lain-lain kategori ialah produk penyelidikan yang dianugerahkan kepada seramai 14 orang penyelidik serta 23 orang penerima bagi kategori penerbitan jurnal.

Dalam mengiktiraf pensyarah cemerlang, UMP turut memperkenalkan AAU yang menyaksikan pensyarah Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Dr. Mohd. Ruslim Mohamed dianugerahkan

Anugerah Pengajaran Cemerlang (Kategori Kejuruteraan) dan bagi kategori Sains Gunaan dianugerahkan kepada pensyarah Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP), Wan Muhammad Syahrir Wan Hussin.

Lebih 200 dalam kalangan penyelidik dan staf akademik hadir dalam majlis yang turut dihadiri Pengerusi Lembaga Pengarah UMP (LPU), Dato' Mohd Hilmey Mohd Taib, dan Pengarah Kumpulan Perkhidmatan & Pendidikan DRB-Hicom Berhad, Dato' Muhamed Hazlan Muhamed Hussein. Hadir sama ahli LPU, Datuk Aminar Rashid Salleh, Dato' Haji Ahmad Azmey Haji Abu Talib dan Tuan Haji Ahmad Zakie Haji Ahmad Shariff.

Malam Anugerah Cendekia Bitara (ACB) berjaya menyuntik semangat dalam kalangan warga UMP untuk berkarya dengan kreatif dan inovatif serta menghasilkan kecemerlangan terbilang dengan berpaksikan budaya penyelidikan unggul dan berkualiti tinggi.





UMP sumbang kepakaran bantu Kolej Komuniti dalam Teknologi Hibrid

Dalam berkongsi kepakaran membangunkan teknologi hibrid, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK) sebagai usaha meningkatkan kompetensi tenaga mahir dalam industri automotif dan kenderaan hibrid yang bakal mendominasi pasaran kenderaan masa hadapan.

Kerjasama dimeterai dalam acara bertukar dokumen antara UMP yang diwakili Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Ketua Pengarah JPKK, Dato' Amir Mohd. Noor dengan disaksikan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak bersempena Majlis Perasmian Kolej Komuniti Pekan di Pekan pada 17 Mei 2014 yang lalu.

Selain UMP, lima agensi lain adalah wakil dari industri automotif dan pelancongan termasuk Honda Malaysia, Hicom Automotif Manufacturer Sdn. Bhd., BMW Authorised Dealer-Ingress Auto Sdn. Bhd, Berjaya Group dan Asean Retail Chains Franchise Federation.

Hadir sama Menteri Besar Pahang, YAB Dato' Sri DiRaja Hj Adnan Yaakob, Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Idris Jusoh, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia, Datuk Dr. Madinah Mohamad

dan Pengerusi Penasihat Kolej Komuniti Pekan, Dato' Sh Mohamed Puzi Sh Ali.

Dengan kerjasama ini, UMP melalui Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) menyumbang kepakaran dalam membangunkan silibus pengajian, melatih tenaga pengajar dalam latihan (TOT) dan sistem pembelajaran *e-Learning* agar dapat diakses dengan lebih mudah.

"UMP telahpun menjalankan program kebolehpasaran kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia menerusi program kerjasama pintar dengan Kolej Komuniti (KK) dan industri di Malaysia bagi melebarkan akses terhadap peluang kerjaya melalui pendidikan dan latihan teknikal.

"Ianya dilaksanakan melalui dua bentuk program iaitu Latihan Semula (*Reskilling*) dan Peningkatan Kompetensi (*Upskilling*) yang diukur dengan pengiktirafan Sijil Modular Kebangsaan (SMK) melalui kerjasama berterusan antara UMP, JPKK dan pihak industri," katanya.

Katanya, pelajar dilatih mengikut keperluan industri dan akan terus ditempatkan dalam industri yang terpilih sebagai pekerja mahir dan berpengetahuan (*k-Worker*).

Menurut beliau, jalinan strategik ini

berjaya memberi manfaat kepada lebih 500 orang penuntut Kolej Komuniti yang mengikuti Program Kebolehpasaran Graduan Kolej Komuniti (Terus ke Pekerjaan) sejak tahun diperkenalkan dua tahun lalu di 13 kolej komuniti seluruh negara termasuklah KK Sungai Petani, KK Kepala Batas, KK Rompin, KK Pekan, KK Gerik, KK Pasir Salak, KK Bukit Beruang dan KK Kuala Terengganu.

UMP juga membantu JPKK untuk mengenal pasti elemen-elemen tambahan dan sokongan yang berupaya menambah nilai (*value-add*) kepada kandungan program-program yang dijalankan di kolej-kolej komuniti.

Penyelaras program, Dr. Gan Leong Ming yang juga merupakan pensyarah FKM berkata, pada masa ini program melibatkan usaha sama dengan Pengusaha Bengkel Automotif Kebangsaan dan industri yang dilaksanakan di Pusat Teknologi Kenderaan Hibrid dan Elektrik di Kolej Komuniti Kepala Batas.

Dalam melahirkan mekanik yang mahir dalam bidang pengendalian enjin berteknologi hibrid, pihaknya menasaskan seramai 1200 pelatih bakal mengikuti program berteknologi tinggi dan diiktiraf menerusi empat tahap kursus jangka pendek yang ditawarkan selama 10 hari di kolej komuniti yang bakal diperluas di beberapa kolej komuniti lain di Malaysia.

Dr. Gan berkata, pada masa ini, kandungan kursus adalah berdasarkan Tahap 1 bagi Kursus Asas (*Awareness*) terbuka untuk pelajar sekolah dan penuntut pengajian universiti yang berminat dalam teknologi hibrid. Ianya sebagai nilai tambah pelajar dalam kemahiran tinggi ini.

Manakala tahap kedua, tiga dan keempat adalah kursus berkaitan pertukaran enjin, penyelenggaraan komponen hibrid dan kerja-kerja pemeriksaan enjin hibrid.

Sinergi UMP bersama JPKK ini mampu mentransformasi tenaga kurang mahir ini menjadi tenaga separuh mahir atau mahir bagi memenuhi keperluan guna tenaga negara secara kompetitif.



100 sertai Seminar TECHSE



Lebih 100 orang peserta menyertai Teaching Excellence in Higher Education Seminar 2014 (TECHSE) yang berlangsung di Sri Manja Hotel, Kuantan selama dua hari mulai 25 Ogos 2014 yang lalu.

Seminar yang mendapat kerjasama daripada Bahagian Perhubungan Perusahaan, Kementerian Pendidikan Malaysia bertujuan menangani cabaran pengajaran dan pembelajaran di Insitituti Pendidikan Tinggi (IPT) untuk memudahkan, meningkatkan dan memperbaiki kualiti pendidikan tinggi.

Penganjuran seminar buat kali yang ketiga ini juga melibatkan penyertaan dalam kalangan ahli-ahli akademik dalam industri yang berpeluang membincangkan mengenai perkongsian kepakaran, siswazah dan lain-lain perkara yang berkaitan pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Pengarah Seminar TECHSE 2014, Dr. Zailin Shah Yusoff yang merupakan pensyarah di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) berkata, antara isu-isu

yang dibincangkan adalah memperkasakan Institusi Pengajian Tinggi untuk melahirkan graduan tenaga kerja sedia.

“Matlamat utama seminar ini adalah untuk membawa bersama-sama ahli akademik dalam wacana tertentu yang akan memudahkan, meningkatkan dan memperbaiki kualiti pendidikan tinggi ke arah pengantarabangsaan,” katanya.

Selain mewujudkan peluang untuk berkongsi amalan terbaik, seminar turut berkongsi maklumat melalui pameran yang berkaitan dengan bidang pembelajaran.

Antara panel yang dijemput ialah Ahli Lembaga Pengarah UMP (Alumni), Syed Hamzah Al-Junid, Naib Presiden Kanan dan R&D Talent Development Collaborative Research in Engineering, Science and Technology (CREST), Dr. Nor Azmi Alias.

Lain-lain adalah Koordinator program automotif dan profesor dari University of Applied Sciences Karlsruhe (HSKA), Profesor Dr. Ing. Maurice Kettner dan Pengurus Besar

Bahagian Sumber Manusia Mercedes-Benz Malaysia Sdn. Bhd., Norlida Shariff. Turut hadir Pengarah, Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC) UMP, Profesor Dr. Mohd. Ridzuan Nordin.

Matlamat utama seminar ini adalah untuk membawa bersama-sama ahli akademik dalam wacana tertentu yang akan memudahkan, meningkatkan dan memperbaiki kualiti pendidikan tinggi ke arah pengantarabangsaan.



Persidangan Antarabangsa Automotif bincang kenderaan teknologi hijau

Bagi memangkinkan perkembangan dalam bidang kejuruteraan mekanikal dan automotif berteknologi hijau, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Persidangan Antarabangsa Inovasi Automotif dan Kenderaan Teknologi Hijau (AIGEV) pada 26 Ogos 2014 yang lalu di Hotel Swiss Garden Resort & Spa, Kuantan, Pahang.

Penganjuran program mendapat sokongan kerjasama daripada rakan strategik. Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (Perodua), Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan Malaysia Automotive Institute (MAI).

Majlis perasmian disempurnakan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC, Dato' Jebasingam Issace John manakala Pengarah Urusan Perodua, Datuk Aminar Rashid Salleh dan Ketua Pegawai Eksekutif MAI, Mohammad Madani Sahari turut hadir menyampaikan ucap-tama dalam

persidangan kali ini.

Turut membentangkan kertas kerja, Profesor Dr. Ing. Maurice Kettner dari Karlsruhe University of Applied Science Jerman dan Profesor Dr. Viswanatha Sharma Korada dari Universiti Teknologi Petronas.

Dalam ucapan perasmian, Dato' Dr. Daing Nasir berkata, UMP mengalu-alukan kehadiran peserta dalam kalangan ahli akademik, saintis, penyelidik dan pemain industri untuk berkongsi kepakaran dalam bidang teknologi hijau dan berkaitan industri automotif masa depan.

"Kumpulan berkepakaran ini mampu mempromosikan teknologi mesra alam yang mampu mengurangkan tahap kebergantungan terhadap penggunaan bahan api fosil. Ianya bukan suatu cabaran yang kecil memandangkan hasil penemuan oleh Agensi Perlindungan Alam Sekitar (EPA) Amerika Syarikat pada tahun 2004 mendapati 13 peratus daripada pelepasan gas rumah hijau global telah dihasilkan daripada sektor pengangkutan termasuklah

penggunaan kenderaan di lebuhraya kita," katanya.

Menurut beliau, pelepasan gas rumah hijau daripada sektor ini terutamanya melibatkan bahan api fosil dibakar untuk jalan raya, keretapi, pengangkutan udara dan laut. Pergantungan terhadap bahan api fosil menghampiri 95 peratus daripada tenaga pengangkutan di dunia datang daripada bahan api berasaskan petroleum, terutamanya petrol dan diesel.

Selain itu, pelepasan gas rumah hijau telah mencemarkan udara dan membahayakan kelestarian alam sekitar dalam tempoh jangka masa yang panjang.

Justeru, dalam mendepani cabaran global melibatkan kerjasama antara negara ini memerlukan polisi dan insentif terhadap inovasi automotif melibatkan penggunaan tenaga hijau untuk berdepan dengan permintaan di pasaran global.

Katanya, UMP komited dalam menjalankan penyelidikan dan pengkomersialan dalam bidang automotif dan teknologi hijau

menerusi Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC) berhubung rapat dengan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM).

Malahan, UMP juga mewujudkan Pasukan Penyelidik Automotif yang memberi fokus terhadap penyelidikan ini dan pihaknya menawarkan hubungan kerjasama strategik dengan industri berkaitan.

Sementara itu, Dato' Jebasingam Issace berkata, pihak ECERDC memuji inisiatif UMP dalam menganjurkan persidangan yang menggalakkan pertukaran idea dan perbincangan mengenai inovasi automotif dan kenderaan tenaga hijau.

Pengeluaran premium dan teknologi alternatif kenderaan, termasuk pembangunan vendor bersepadu merupakan antara industri yang digalakkan dalam Taman Automotif Pekan (PAP) sebagai salah satu projek utama ECERDC dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan PAP ditetapkan sebagai pusat pengeluaran automotif di bawah Dasar Automotif Nasional.



Katanya, PAP kini merupakan sebagai pangkalan serantau ASEAN untuk pemasangan kereta Volkswagen, Suzuki dan Mercedes Benz dan kini sedang diperluaskan untuk memenuhi pengeluaran automotif sedia ada dan yang baharu.

PAP adalah sebuah taman perindustrian yang matang yang telah beroperasi sejak tahun 1984 dan ianya terletak di lokasi strategik di dalam Zon Ekonomi Khas ECER (ECER SEZ) berhampiran dengan Pelabuhan Kuantan yang sedang berkembang menjadi sebuah pelabuhan laut dalam. Ianya sekaligus menjadikannya sebagai pilihan ideal untuk pemain industri automotif.

Taman ini menawarkan 237 ekar tanah berharga kompetitif untuk pelaburan, dalam persekitaran yang sedia infrastruktur dan mesra pelabur.

Para pelabur juga boleh memanfaatkan adanya modal

insan mahir bagi industri berkaitan automotif di ECER, serta pakej menarik insentif fiskal dan bukan fiskal yang ditawarkan di wilayah tersebut.

Majlis turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor dato' Dr. Mortaza Mohamed, Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Profesor Madya Dr. Rizalman Mamat yang juga Pengerusi Pameran Teknologi Hijau (IGE), Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Profesor Madya Dr. Wan Azhar Wan Yusoff dan Pengarah AEC yang merupakan Pengerusi Persidangan AIGEV, Dr. Abd. Adam Abdullah.

Persidangan menyaksikan lebih 200 peserta dalam dan luar negara turut serta dalam persidangan. Orang ramai yang berkunjung juga berpeluang melawat pameran teknologi hijau termasuk reruai UMP Mechapro, Dewetron PreLtd dan ECERDC dan PNT Marketing.



UMP komited dalam menjalankan penyelidikan dan pengkomersialan dalam bidang automotif dan teknologi hijau menerusi Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC) berhubung rapat dengan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)





Kualiti dan Inovasi teras budaya kerja cemerlang warga UMP

Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengiktiraf dan menghargai sumbangan khidmat bakti seramai 130 orang warganya yang cemerlang sempena penganjuran Hari Kualiti dan Inovasi pada 15 Mei 2014 yang lalu.

Majlis diadakan sebagai satu acara tahunan sebagai galakan memupuk budaya kerja cemerlang mendasari tiga petunjuk utama iaitu kualiti, inovasi dan kreativiti.

Majlis bertemakan 'Kualiti dan Inovasi Asas Kecemerlangan' itu menyaksikan penyampaian lapan jenis anugerah iaitu Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Hadiah Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK), Hadiah Persekitaran Berkualiti (Amalan 5S), Hadiah ICT (K-Portal), Hadiah Penerbitan, Anugerah Sukan, Anugerah Kualiti Naib Canselor dan Anugerah Khas Cemerlang Penarafan 5 Bintang *Malaysia Government Portals and Websites 2013* oleh Multimedia Development Corporation Malaysia (MDec).

Menurut Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, tanggungjawab dalam melaksanakan agenda Pelan Strategik UMP menyaksikan segala komitmen, kesungguhan dan peranan bukanlah semata-mata terbatas kepada kumpulan pengurusan atau peringkat pelaksanaan tertentu sahaja.

Malahan bersifat holistik kepada semua kumpulan pengurusan dan peringkat pelaksana iaitu para akademik dan birokrat, kumpulan pengurusan tertinggi, pengurusan dan profesional serta pelaksana, merentasi semua skim perkhidmatan dan gred jawatan.

"Pemarkahan Laporan Nilai Prestasi Tahunan dalam kalangan warga kerja juga turut merangkumi aspek sumbangan kepada Bidang Keberhasilan Utama (KRA) Universiti sebagai kriteria penilaian.

"Aspek-aspek penting yang mendasari

kualiti dan inovasi merupakan rangkaian nilai tambah kepada kaedah operasi dan sistem penyampaian perkhidmatan oleh UMP. Maka, penterjemahan nilai kualiti dan inovasi secara berterusan di setiap Pusat Tanggungjawab akan menyumbang secara langsung kepada aras prestasi UMP," katanya dalam Majlis Perasmian Hari Kualiti dan Inovasi 2014 yang berlangsung di Dewan Astaka UMP.

Beliau berkata, oleh kerana persepsi umum dan pemegang taruh terhadap universiti ini telah distrukturkan dalam pelbagai bentuk standard penilaian dan pengauditan, maka keupayaan untuk menyelenggara satu sistem penyampaian yang efisien, efektif dan fasilitatif merupakan antara faktor yang kritikal untuk diberi perhatian.

Pihaknya memberikan perhatian yang serius terhadap saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak bahawa agenda transformasi kerajaan perlu digerakkan oleh warga penjawat awam yang dinamik dan berwawasan.

Dato' Dr. Daing berkata, warga kerja UMP akan terus mengamalkan budaya kerja cemerlang berasaskan nilai, berfokuskan strategi dan berpandukan prestasi dalam fasa pecutan terakhir Pelan Strategik UMP 2011-2015 diikuti dengan peralihan kepada Pelan Strategik UMP 2016-2020 yang merupakan satu cabaran yang besar.

Dalam majlis itu juga beliau melancarkan enam buah buku yang dihasilkan Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa sebagai panduan khususnya di kalangan staf akademik iaitu *Academic Staff Handbook*, *Basic Learning and Teaching Courses*, Daftar Program Akademik, Terma Rujukan bagi Lantikan Luar, Sedekad Kegemilangan Akademik dan Antarabangsa 2002-2012 dan Pencapaian UMP 2013 - fakta dan angka.

Bagi pertandingan KIK dimenangi Kumpulan Sirec dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA), naib johan dimenangi Kumpulan Easylib dari Jabatan Perpustakaan dan tempat ketiga dimenangi oleh kumpulan Conpro dari JHEAA.

Dalam mewujudkan persekitaran kerja berkualiti ke arah kecemerlangan budaya kerja di universiti ini menyaksikan Pertandingan Kitar Semula (3R) dimenangi Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), tempat kedua Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK) dan ketiga Perpustakaan. Manakala bagi kategori Pertandingan Tempat Kerja Terbaik pula dimenangi Faizul Nizam Ibrahim dari Bahagian Pengurusan Akademik diikuti Suriyati Mohd Sidek dari Jabatan Pendaftar dan Mohd Raizalhilmy Mohd Rais dari JHEAA.





Aspek-aspek penting yang mendasari kualiti dan inovasi merupakan rangkaian nilai tambah kepada kaedah operasi dan sistem penyampaian perkhidmatan oleh UMP. Maka, penterjemahan nilai kualiti dan inovasi secara berterusan di setiap Pusat Tanggungjawab akan menyumbang secara langsung kepada aras prestasi UMP.

Hadiah ICT (k-Portal) pula dimenangi Pejabat Naib Canselor untuk kategori pentadbiran dan bagi kategori akademik dimenangi Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) yang masing-masing membawa pulang sijil dan hadiah RM2,000.00


Hadiah Penerbitan bagi Karya Asli Terbaik Penerbit UMP dimenangi pasangan Profesor Madya Dr. Zularisam Ab. Wahid dan Profesor Madya Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim dengan tajuk buku "Enzymatic Membrane Reactor For Fine Chemical".

Manakala Anugerah Sukan dimenangi oleh Pengurus Pasukan Hoki Lelaki iaitu Hazami Che Hussain yang membawa pulang sijil penghargaan dan wang tunai RM2,000.00.

Pada tahun ini tiada jabatan atau fakulti yang memenangi Anugerah Kualiti Naib Canselor dan hanya menganugerahkan Hadiah Harapan Anugerah Kualiti Naib Canselor kepada Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa. Mereka membawa pulang sijil penghargaan dan wang tunai RM5,000.00.

Sebagai menghargai warga UMP dalam mencapai penarafan 5 bintang dalam *Malaysia Government Portals and Websites Assessment* bagi tahun 2013, universiti menyampaikan anugerah khas kepada pegawai laman web/portal UMP, Mohd. Suhaimi Hassan yang mewakili Jawatankuasa Induk Laman Web dan Portal UMP.

Majlis turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusof, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin dan Pendaftar, Haji Mustafa Ibrahim.



Seminar Pengajian Pahang

Sempena memuliakan sambutan 40 tahun pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang

September 2014 (Khamis)

8:30 Pagi - 5:00 Petang

Hotel M. Garden

Kuantan Pahang

Anjuran: Pusat

UMP anjur Seminar Pengajian Martabatkan Warisan Legasi Negeri Pahang

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Seminar Pengajian Pahang bagi membincangkan legasi keilmuan masyarakat di negeri ini dalam pelbagai bidang seperti sejarah, agama, sosioekonomi, budaya, pendidikan, teknologi dan pembangunan sumber manusia pada 11 September 2014 yang lalu.

Program anjuran Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) ini berjaya memperkaya dan memperkukuhkan rujukan ilmiah berkaitan legasi Pahang dalam bentuk pangkalan data bagi menghasilkan resolusi untuk pelan pembangunan negeri Pahang serta menetengahkan kemasyhuran legasi Pahang dari pelbagai aspek ke persada antarabangsa.

Hadir menyempurnakan perasmian Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani,

menganjurkan seminar yang julung kali diadakan bersempena program memuliakan sambutan 40 tahun pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah pada tahun ini.

Sementara itu, Profesor Dato' Dr. Yuserrie yang hadir membacakan teks Naib Canselor UMP berkata, program ini dapat memberi pencerahan merangkumi pelbagai aspek dan perspektif merupakan satu pengayaan (*enrichment*) kepada khazanah pengetahuan dan maklumat ilmiah berkaitan pengajian Pahang sebagai satu disiplin akademik dan penyelidikan yang sangat berpotensi besar untuk terus dikembangkan.

"UMP akan mewujudkan Kursi Pengajian Pahang tidak lama lagi bagi

menggalakkan usaha-usaha penyelidikan berkenaan aspek sejarah, kebudayaan, ekonomi, kemasyarakatan dan politik negeri ini.

"Pengwujudan Kursi Pengajian Pahang ini telah pun dimuktamadkan dan pelantikan penyandang pertamanya akan dibuat selepas pelancaran rasminya kelak," katanya dalam majlis perasmian di Hotel MS Garden Hotel, Kuantan, Pahang.

Tambah beliau, permuafakatan kita melalui dapatan daripada kupasan ilmiah isu-isu tersebut tidak akan terhenti selepas tamatnya seminar ini, malah akan diketengahkan untuk makluman dan perhatian Kerajaan Negeri Pahang serta agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

Malahan, ianya penting bagi memastikan apa yang diwacanakan dalam seminar ini tidaklah berakhir sebagai retorik semata-mata, namun berupaya diterjemahkan kepada inisiatif-inisiatif yang menambah nilai kepada pengayaan ilmu pengetahuan dan literasi masyarakat terhadap aspek sejarah dan jati diri negeri Pahang.

Selain itu, hasil penemuan dan buah fikiran para ilmuwan ini akan menjadi intipati penting dalam membentuk wadah pemikiran rakyat dan memberi kesedaran kepada masyarakat umum dan menjadi legasi penting yang dapat kita wariskan kepada generasi yang akan datang.

Katanya, legasi ilmu untuk generasi masa depan ini seharusnya dibuat dalam bentuk yang teratur dan berstruktur bagi memudahkan rujukan.



Justeru, beliau menyarankan supaya idea untuk menerbitkan Jurnal Pengajian Pahang dapat diperhalusi dan diwacanakan oleh warga seminar ini memandangkan dengan keupayaan yang dimilikinya, khususnya di PBMSK ini, UMP bersedia untuk menjadi penerbit kepada Jurnal yang dicadangkan tadi.

Bagi Dekan PBMSK, Profesor Dr. Abd Jalil Borham berkata, bertemakan 'Memartabat Jati Diri dan Warisan Pahang' ianya menentang sejarah legasi Islam di Pahang bermula dari tarikh kedatangannya ke negeri ini sehingga melahirkan kesan dan pengaruh yang besar terhadap masyarakat Pahang.

Tambah beliau, kedatangan Islam dan perkembangannya di Alam Melayu khususnya di Pahang serta kesannya kepada rakyat di negara tersebut adalah satu bidang kajian yang sangat penting untuk melahirkan gambaran yang tepat dalam sejarah Islam di Nusantara setelah ianya dikaburi oleh berbagai teori orientalis.

Menurut beliau sebelum kajian lebih lanjut tentang sejarah kedatangan Islam ke Alam Melayu ini adalah perlu kita lihat terhadap tahap-tahap kedatangan Islam bermula dari asal kedatangannya hinggalah kepada subjek kajian yang akan dibincangkan.

Dalam seminar ini beliau juga turut membentangkan kertas kerja berkaitan kajiannya tentang penemuan sebuah batu nisan yang ditemui di Kampung Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan yang jaraknya dengan UMP Kampus Pekan sejauh 4.5 km.

Pada batu ini tertulis ayat-ayat al-Quran dan syair Arab di samping terdapat tarikh si mati meninggal dunia pada waktu Subuh hari Rabu 14hb. Rabi'ul Awal tahun 419 Hijrah.

Mengikut kiraan penyelidik tarikh tersebut adalah bersamaan dengan 12 April tahun 1028 Masihi. Pengesanan tarikh yang tercatat pada batu nisan ini telah dilakukan pada 6hb Ogos 1980 oleh pihak Jabatan Agama Islam Pahang dan disahkan oleh Kurator/Setiausaha Lembaga Muzium Negeri Pahang, Mohd Mokhtar Abu Bakar.

Turut dibincangkan pada seminar ini adalah Arkeologi dan Tamadun Negeri Pahang yang disampaikan Felo Penyelidikan Utama, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Emeritus Dato' Dr. Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman dan KDYMM Sultan sebagai Ketua Agama oleh Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Profesor Dato' Sri Dr. Zaleha Kamaruddin.

Sebanyak 14 kertas kerja dibentangkan termasuklah bagi kluster sosioekonomi iaitu Timbalan Pengarah (Pembangunan), Jabatan Pertanian Negeri Pahang, Ab. Wasa Mohd. Nor, Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser, Ishak Mukhtar dan Pengurus Besar, Bahagian Pembangunan ECERDC, Mohd. Norlisam Mohd. Nordin.

Kira-kira seramai 100 tetamu hadir mendengar kupasan bagi empat kluster yang terdiri daripada kluster pembangunan masyarakat dan pendidikan, sejarah dan budaya, agama dan kesultanan serta sosioekonomi.



Kedatangan Islam dan perkembangannya di Alam Melayu khususnya di Pahang serta kesannya kepada rakyat di negara tersebut adalah satu bidang kajian yang sangat penting untuk melahirkan gambaran yang tepat dalam sejarah Islam di Nusantara setelah ianya dikaburi oleh berbagai teori orientalis.



Persidangan Statistik kumpulan pakar Matematik dan Sains

Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI), Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan persidangan antarabangsa 'The 2nd ISM International Statistical Conference 2014 with Applications in Sciences and Engineering (ISM-II)' selama tiga hari bertempat di Hotel MS Garden Kuantan pada 12 Ogos 2014 yang lalu.

Dengan hasrat untuk memperluas dan mengembangkan Ilmu Sains dan Matematik, persidangan dengan tema 'Empowering the Applications of Statistical and Mathematical Sciences' ini mendapat kerjasama daripada Institut Statistik Malaysia (ISM) dan Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA).

Majlis perasmian disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-tugas Khas Negeri, Dato' Norol Azali Sulaiman yang hadir mewakili Menteri Besar Pahang.

Menurut Dato' Norol Azali, dalam usaha mencapai negara maju menjelang tahun 2020, pihak kerajaan kini bekerja keras dalam memastikan pembangunan mapan untuk berdepan dengan persaingan global.

Justeru, bidang Matematik dan Statistik turut menyumbang dan berperanan dalam menyelesaikan permasalahan dalam aktiviti seharian.

"Dialog secara intelektual ini mampu

menyumbang terhadap memperkaya pengetahuan dan menjalinkan hubungan baik dengan para penyelidik dari pelbagai institusi berkaitan," katanya semasa menyampaikan ucapan.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, persidangan ini berjaya mengumpulkan para penyelidik dalam bidang Sains Matematik dari dalam dan luar negara.

"Ianya turut menyediakan landasan bagi penyelidik serta pengamal Sains dan Matematik untuk berkongsi idea dan pengalaman dalam penyelidikan masing-masing.

"Tanpa ilmu Matematik dan Statistik, para jurutera tidak akan mampu menyediakan projek yang memerlukan mereka menguasai ilmu kejuruteraan dan menjadikan mereka sebagai jurutera yang kompeten pada masa hadapan," katanya.

Beliau berkata, UMP memberi tumpuan terhadap bidang Kejuruteraan, Sains dan Teknologi dan FSTI ini mampu melahirkan tenaga pakar dalam bidang Matematik dan Statistik untuk masa hadapan.

Tambahnya, seramai tiga orang pakar dalam bidang ini dijemput membentangkan kertas kerja iaitu Profesor Xuerong Mao dari University of Strathclyde, Glasgow, United

Kingdom, Profesor Dr. Rahmatullah Imon dari Ball State University, Amerika Syarikat dan Profesor Thavaneswaran dari University of Manitoba, Kanada.

Antara bidang yang turut menjadi tumpuan antaranya adalah Statistik Gunaan, Pemodelan Persamaan Struktur, Analisis Bayes, Sains Aktuari, Perlombongan Data, Ekonometrik, Matematik Tulen, Pendidikan Matematik, Matematik Gunaan, Kewangan, Kualiti dan Produktiviti serta lain-lain bidang yang berkaitan dengan bidang keilmuan Sains Matematik.

Persidangan pada kali ini berjaya menarik lebih 200 orang peserta dalam dan luar negara dan menariknya prosiding persidangan kali ini akan diterbitkan oleh The American Institute of Physics (AIP) dalam AIP Conference Proceedings yang diindeks dalam Institut Scientific Information (ISI), Scopus dan beberapa pangkalan data yang lain.

Hadir sama Presiden ISM, Profesor Dr. Kamarulzaman Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Mortaza Mohamed, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff, Dekan FSTI, Profesor Dr. Jamil Ismail dan Pengarah Program, Dr. Roslina Zairimah Zakaria.



UMP terima sumbangan 30 ribu zakat Bank Islam

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima sumbangan zakat Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) sebanyak 30 ribu ringgit untuk dimanfaatkan pelajar bagi menampung perbelanjaan sepanjang pengajian mereka di universiti ini.

UMP amat menghargai keprihatinan BIMB dalam melunaskan kewajiban sosial korporatnya dengan menyalurkan sumbangan zakat untuk dimanfaatkan oleh para asnaf dari kalangan warga mahasiswa yang memerlukan bantuan kewangan.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, dengan populasi mahasiswa yang kini melebihi 8 ribu orang di kedua-dua kampusnya iaitu di Gambang dan Pekan, cabaran untuk menguruskan kebajikan dan kesejahteraan mereka turut meningkat.

"Komitmen pihak swasta dan korporat, sebagaimana yang dizahirkan oleh BIMB amatlah dialu-alukan oleh pihak pengurusan UMP.

"Penyaluran sumbangan zakat ini membolehkan pengurusan keperluan asas dan kebajikan para mahasiswa UMP dapat dipantau, apatah lagi dalam menghadapi Sesi Akademik 2014/2015 yang bakal bermula pada awal September nanti," katanya dalam Majlis Penyerahan Zakat Bank Islam yang berlangsung di Dewan Tun Fatimah di Kompleks Pentadbiran Utama UMP Kampus Gambang pada 7 Ogos 2014 yang lalu.

Ujar beliau, tidak dapat dinafikan bahawa

segelintir mahasiswa universiti ini yang datang dari keluarga yang berpendapatan rendah menghadapi kesukaran untuk menangani kos sara hidup yang agak tinggi di kampus.

Katanya, kebanyakan mahasiswa ini menerima pembiayaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), namun terdapat kes-kes di mana para mahasiswa yang datang dari keluarga miskin atau berpendapatan rendah mengirimi wang pinjaman PTPTN tersebut kepada keluarga mereka.

Keadaan ini menyebabkan mahasiswa tersebut terpaksa mengikat perut dan berhadapan dengan masalah kewangan untuk menyara kos pengajian dan makan minum, yang seterusnya mengakibatkan sesetengah dalam kalangan mereka merasa tertekan, hilang motivasi dan rendah diri.

Malahan, situasi ini sekiranya dibiarkan berterusan, dibimbangi akan memberi kesan negatif kepada aras pencapaian akademik mahasiswa tersebut. Justeru, atas kesedaran tersebut, maka pihak pengurusan UMP terus mencari jalan bagi membantu meringankan beban mereka dalam perimeter keupayaan sedia ada.

Tambah beliau, pemerhatian umum yang dibuat oleh pihak pengurusan UMP mendapati bahawa sebahagian mahasiswa yang menghadapi masalah kewangan ini lazimnya tidak cenderung untuk tampil berkongsi masalah kewangan mereka. Perasaan malu,

segan dan rendah diri yang ada menyebabkan mereka memilih untuk memendamkan masalah yang memerlukan staf kami untuk lebih proaktif mendekati dan mendampingi mereka untuk dibantu.

Selain itu, beliau turut meminta para kaunselor, felo di Kolej Kediaman dan para pensyarah yang menjadi Penasihat Akademik untuk mengoptimumkan peranan mereka dalam konteks ini.

Majlis penyerahan cek disampaikan Pengurus Besar (Hubungan Strategik), BIMB, Dato' Wan Ismail Wan Yusoh. Hadir sama Pengurus Besar, Bahagian Syariah, Ustaz Haji Mohd Nazri Chik, Pengurus Kawasan Timur, Wan Rosita Wan Mohamed dan Pengurus Perniagaan Pengguna Kawasan Pahang, Dato' Abd Manan Talib.

Dalam ucapannya, Dato' Wan Ismail juga menyarankan agar UMP dapat menjalinkan kerjasama strategik dengan Bank Islam dalam mewujudkan aset wakaf atau *endowmen* untuk dimanfaatkan bersama apatah lagi masyarakat Malaysia cenderung terhadap pemberian sumbangan.

Majlis turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Bendahari UMP, Zainuddin Othman, Pengurus Kanan, Komersial Pahang, Azmi Abdullah, Pengurus Cawangan Kuantan, Amirudin Mohamed Ariffin dan Pengurus Cawangan Putra Square, Mohamad Azuari Mohamed.



FTeK lawat USQ bincang program dwi-ijazah Program Pengurusan Infrastruktur

Berita dan Foto oleh: DR. NURHIDAYAH AZMY

Satu lawatan kerja rasmi ke University of Southern Queensland (USQ), Australia telah dijalankan oleh Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK) yang diwakili Ketua Program Pengurusan Infrastruktur, Dr. Nurhidayah Azmy pada 7 Jun 2014 yang lalu dalam rangka lawatan berkunjung melawat universiti berkenaan.

Lawatan ini bertujuan untuk membincangkan secara terperinci akan hal-hal berkaitan program dwi-ijazah UMP bagi Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi (Pengurusan Infrastruktur) melibatkan kerjasama UMP dan USQ yang bakal ditawarkan universiti ini.

Hadir sama dalam perbincangan ialah Pengarah Eksekutif, Pembangunan dan Antarabangsa USQ, Profesor Dr. Talal Yusaf, Pengurus Hubungan Antarabangsa (Pasaran Baharu dan Rakan Kerjasama), Louis Fernandes, Ketua Sekolah Kejuruteraan Awam dan Kajian, Fakulti Kejuruteraan dan Sains), Profesor Kevin McDougall dan pensyarah USQ, Profesor Madya Dr. Karu Karunasena dan Dr. Muhammad N. Mahmood.

“Aspek perbincangan dan pemerhatian yang dijalankan meliputi syarat kemasukan pelajar, kurikulum Program Pengurusan Infrastruktur, aspek pengajaran dan pembelajaran serta

tinjauan kemudahan dan fasiliti untuk pelajar yang disediakan oleh pihak USQ,” katanya baru-baru ini.

Beliau turut berpeluang melawat makmal-makmal kejuruteraan awam dan Infrastruktur serta melakukan pemantauan pengajaran di kelas bagi mengenal pasti teknologi dan kaedah yang digunakan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Hasil lawatan ini membolehkan pihak fakulti memahami dan mendapatkan gambaran sebenar bagaimana program Pengurusan Infrastruktur ini dijalankan di universiti itu.

Menurut Dr. Nurhidayah, Profesor Talal telah melawat UMP pada awal tahun ini segala persiapan dan persediaan UMP dalam menawarkan program kerjasama ini telah sampai ke peringkat akhir terutamanya melibatkan perincian yuran dan struktur kurikulum.

Kedua-duanya dijangka sedang menyiapkan rangka Memorandum Perjanjian (MoA) yang dijadualkan akan ditandatangani dalam tempoh terdekat pada tahun ini. Kerjasama ini sangat bermakna bukan sahaja dalam penawaran program dwi-ijazah malahan bakal menjalinkan lain-lain kerjasama untuk dimanfaatkan kedua-dua pihak.





UMP giat promosi peluang pendidikan untuk pelajar Uzbekistan



Berita dan Foto Oleh: DR. AHMAD ZIAD SULAIMAN

Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus giat melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mempromosikan peluang pengajian tinggi di peringkat antarabangsa dan baru-baru ini, UMP bersama sembilan lagi institusi pengajian tinggi di Malaysia menyertai Pameran Pendidikan Ke-9 di Dedeman Hotel, Silkroad Tashkent Uzbekistan pada 9 Mei 2014 yang lalu.

Program turut dihadiri Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Pendidikan Malaysia yang mengadakan lawatan rasmi ke Uzbekistan dalam meningkatkan hubungan dalam bidang pendidikan.

Timbalan Dekan Institut Pengajian Siswazah (IPS) merangkap Ketua Pasukan Promosi Asia Tengah UMP, Dr. Ahmad Ziad Sulaiman berkata, pihaknya juga berpeluang bertemu bakal calon pelajar dalam program ceramah kerjaya dan hala tuju pendidikan di Akademik Litseyi (Lyceum) International House Tashkent yang merupakan antara pusat matrikulasi terkemuka di Uzbekistan.

"UMP menerima maklum balas dari lebih 100 pelajar yang menyatakan hasrat untuk menyambung pengajian mereka dalam bidang kejuruteraan, perniagaan dan bahasa

di peringkat prasiswazah dan pengajian siswazah," katanya.

Tambah Dr. Ahmad Ziad, penerimaan oleh bakal pelajar di Uzbekistan ini sangat memberangsangkan dan membuktikan keterampilan jenama UMP di persada antarabangsa.

Turut menyertai delegasi UMP ke Uzbekistan ialah Timbalan Pengarah Pusat Akademik & Kerjaya German (GACC), Mohamed Rafiee Kamarudin.

Pameran yang berlangsung selama tiga hari ini memperlihatkan kualiti pendidikan di Malaysia telah menarik minat sebilangan besar pelajar di Uzbekistan.

Sementara itu, Dekan Institut Pengajian Siswazah (IPS), Profesor Dr. Abdullah Embong berkata, program pemasaran dan promosi antarabangsa yang dilaksanakan ini merupakan program yang telah dirancang awal pihak IPS.

"lanya juga adalah penunjuk prestasi utama (KPI) yang disasarkan pada tahun ini berdasarkan kepada Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dalam meningkatkan bilangan siswazah di universiti ini.

"Penyertaan UMP dalam pameran antarabangsa ini akan merealisasikan

hasrat universiti ini untuk menjadi sebuah universiti yang mampu menyediakan pendidikan berkualiti dan menepati pasaran antarabangsa," katanya.





UMP pupuk budaya kerja yang selamat dalam komuniti



Oleh: DR. NORAZURA ISMAIL

Pertumbuhan ekonomi Malaysia yang memberangsangkan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan kuantiti industri dalam pelbagai sektor dan setiap organisasi ini berperanan dalam memastikan persekitaran kerja yang sentiasa sihat dan selamat.

Tempat kerja yang selamat adalah gabungan tiga komponen penting melibatkan pekerja dan majikan, persekitaran dan perlakuan. Kegagalan menggabungkan komponen-komponen yang boleh mewujudkan bahaya dan risiko, yang mengakibatkan kemalangan, kecederaan dan kematian di tempat kerja.

Menyedari kepentingan amalan persekitaran kerja yang selamat, UMP menerusi Fakulti Pengurusan Industri (FIM) dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menganjurkan Seminar Developing and Sustaining Safety Culture in Malaysia (DSSCM 3) bertemakan *Optimizing Self-Regulation Practice Towards Preventing Emerging and Re-emerging Hazards* yang berlangsung di Hotel Zenith, Kuantan, Pahang pada 27 Mei 2014 yang lalu sebagai meneruskan usaha mengamalkan budaya kerja yang selamat di tempat kerja selaras dengan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia 2015 (OSH-MP 15).

Majlis perasmian penutup seminar

disempurnakan Ketua Pengarah Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH), Dato' Dr. Ir. Johari Basri yang mengarapkan agar seminar ini dapat dimanfaatkan dengan memberi input baharu dan pendedahan kepada peserta kepada isu-isu keselamatan dalam melaksanakan tuntutan kerja seharian.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Mortaza Mohamed, seminar ini merupakan medium terbaik dalam mempromosikan budaya kerja selamat yang menyediakan platform penglibatan intelektual yang membina selaras dengan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia 2015 (OSH-MP 15).

"Dalam usaha membudayakan aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) ini UMP menganjurkan pelbagai program di peringkat universiti sehinggalah peringkat komuniti yang mencakupi penggunaan pelbagai pendekatan.

"UMP juga turut menggembeng tenaga dengan pengamal-pengamal OSH dari organisasi luar termasuk Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Malaysia, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pelbagai industri terutamanya di sekitar Pantai Timur," katanya.

Hadir sama dalam majlis, Profesor Dr.

Abdullah Ibrahim yang juga merupakan pengerusi seminar DSSCM3 2014.

Penganjuran ini adalah manifestasi komitmen UMP untuk terus menggalakkan budaya keselamatan di Malaysia dengan menyediakan platform di mana isu-isu yang berkaitan OSH boleh dibincangkan melalui penglibatan intelektual yang membina.

Lebih menarik lagi, program ini mendapat pengiktirafan dari dua buah badan profesional iaitu Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Malaysia yang telah mengiktiraf mata CEP (*Continuous Education Program*) sebanyak 15 mata bagi program ini dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang telah mengiktiraf program ini sebanyak 20 mata CCD (*Contractor Continuous Development*).

Tambah beliau pengiktirafan ini memberi peluang kepada pengamal-pengamal dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di industri dan bukan industri mengumpul mata untuk memenuhi keperluan prosedur pembaharuan kompetensi masing-masing.

Topik-topik yang dibincangkan adalah komprehensif dengan menentang pelbagai isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan masa kini. Lebih 200 dalam kalangan peserta yang terdiri dalam kalangan pengamal OSH, ahli akademik, penyelidik dan perunding tersohor hadir dalam seminar ini.



UMP raih 5 pingat emas dan Anugerah Khas dalam INPEX Amerika Syarikat

Penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) sekali lagi berjaya mencipta nama di persada antarabangsa apabila menang lima pingat emas dan anugerah khas dalam Pameran Rekacipta & Produk Baharu atau Pameran Inovasi & Produk Baru atau dikenali sebagai 'The Invention and New Product Exposition (INPEX) 2014' yang berlangsung di David Lawrence Convention Center, Pittsburg Amerika Syarikat baru-baru ini.

"Kejayaan ini membanggakan universiti apabila hasil penyelidikan diiktiraf di peringkat antarabangsa," kata Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang hadir mengumumkan kejayaan penyelidik dalam sidang media meraikan penyelidik UMP yang berlangsung di Dewan Bankuet Bangunan Canseleri UMP Kampus Gambang pada 24 Jun 2014 yang lalu.

Beliau mengharapkan penyelidikan ini mendapat kerjasama baik daripada pihak industri supaya penyelidikan yang dilaksanakan memberi manfaat kepada industri dan masyarakat setempat.

Kejayaan ini menyaksikan tiga pingat emas disumbangkan penyelidik Dr. Gurumurthy Hegde dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) menerusi produk bertajuk '*Environmental friendly, non-hazardous biocomposite mixtures for future generation plastic displays*'. Produk penghasilan *device* daripada plastik ini juga meraih Anugerah Khas '*Best Invention of the Pacific RIM Researcher*'.

Penyelidikan ini melibatkan penyelidik lain iaitu Gan Siew Mei, Yuvaraj AR, Shoriya Aruni Abdul Manaf, Profesor V.G Chigrinov dan Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff.

Produk penyelidikan kedua beliau yang meraih pingat emas ialah '*In House Fabricated*

Cost Effective Conducting Nanolayers for Photonic Devices' yang dijalankan Dr. Gurumurthy bersama penyelidik Mehdi Qasim Zayer, Jinan Basher Ahmed, Naser Mahmoud, Sumitha Gunasegaran dan Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff.

Kajian merupakan pembangunan peranti pencahayaan berasaskan keadaan pepejal (*solid state lighting devices*) yang menggunakan bahan-bahan inovatif dan aktif pada suhu yang rendah. Pendekatan sintesis dan penggunaan bahan-bahan adalah mesra alam dengan mengambil kira keberkesanan kos dan potensi untuk dipasarkan.

Manakala produk ketiga yang juga menang pingat emas adalah '*Low Cost Production of Carbon Nanospheres from Biowaste*'. Penyelidikan ini turut berjaya memenangi dijalankan penyelidik Shoriya Aruni Abdul Manaf, Anuj Kumar, Zainab Ngaini, K.V Sharma dan Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff.

Lebih membanggakan, ketiga-tiga produk ini telah dipatenkan dan mendapat kepercayaan untuk bekerjasama dengan industri iaitu Syarikat AJ-Infinite Sdn.Bhd untuk dikomersialkan.

Selain itu, penyelidikan Dr. Gaanty Pragas A/L Maniam juga dari FSTI dengan tajuk '*Renewable Green Fuel From Biowaste*' turut memenangi pingat emas. Penyelidikan dari sisa pejal kilang sawit (*decanter cake*) yang merupakan sumber minyak ini menghasilkan biodiesel berteknologi hijau.

Menurut Dr. Gaanty, biodiesel yang merupakan bahan api mesra alam ini dicampur dengan diesel petroleum untuk digunakan dalam enjin diesel. Teknologi yang ditemui ini berjaya menghasilkan biodiesel pada harga yang berpatutan dengan menggunakan bahan buangan.

Penyelidikan ini dijalankan bersama penyelidik lain iaitu Noor Hindryawati, Irma Nurfitri, Nurul Hajar Embong, Jose Rajan, Mohd. Hasbi Ab. Rahim dan Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff.

Pingat emas turut diraih bagi projek penyelidikan bertajuk '*Green Photocatalytic Reactor System (Photrecs) for Seawater Desalination*' yang dijalankan penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Dr. Ruzinah Isha yang dijalankan bersama penyelidik Nurul Hariyah Abdul Majid, Hafizah Ramli, Dr. Mazrul Nizam Abu Seman dan Jamil Roslan.

Bagi Dr. Ruzinah, menyedari keperluan masyarakat terhadap penggunaan air bersih, beliau menjalankan kajian tentang penghasilan air bersih daripada sumber air laut.

Penyelidikan yang mengambil masa dua tahun ini menggunakan kaedah '*Photrecs*' yang menggunakan sisa sawit bagi mengurangkan konsentrasi tahap kemasinan air laut.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, kejayaan penyelidik memenangi pingat ini merupakan pengiktirafan terhadap penghasilan produk yang dicipta para penyelidik UMP. Namun, apa yang lebih penting ialah usaha-usaha ke arah pengkomersialan projek penyelidikan berkenaan perlu dilaksanakan dengan lebih giat.

Pameran INPEX terbesar kendalian InventHelp, Ekspo Reka Cipta & Produk Baharu (INPEX) ini adalah pameran perdagangan yang mempamerkan pelbagai ciptaan, produk baharu dan inovasi yang dihadiri pereka, usahawan dan wakil industri dari seluruh dunia.



Penyelidik muda menang 9 pingat, 2 anugerah khas dalam IYIC 2014 Seoul

Berita dan foto oleh: MUHAMMAD FERDAUS MUSA



Penyelidik muda Universiti Malaysia Pahang (UMP) menang besar apabila berjaya merangkul tujuh pingat emas, dua pingat gangsa dan dua anugerah khas dalam Pertandingan International Youth Invention Contest (IYIC) yang berlangsung di Seoul, Korea Selatan pada 10 Ogos 2014 yang lalu.

Lebih membanggakan, pelajar Nishyanthi A/P Puspakaran menang pingat emas dan dua anugerah khas iaitu 'Best Presenter Award' dan 'Special Award' melalui projek 'Preparation Of Phenolic-Rich Functional Food Microcapsule From *Orthosiphon Stamineus* Leaves'.

Menurut Nishyanthi, kajiannya memberi tumpuan kepada pembinaan kaedah inovatif untuk menghasilkan ekstrak yang kaya dengan polifenol dari tanaman Misai Kucing (*Orthosiphon Stamineus*) melalui kaedah pengekstrakan yang canggih dengan menggabungkan sinaran gelombang mikro dengan pelarut yang berlainan.

"Satu teknik pemikrokapsulan telah digunakan untuk menghasilkan serbuk yang kaya dengan polifenol dan melalui kaedah ini produk berkualiti tinggi kaya dengan polifenol dapat dihasilkan dengan kos yang lebih rendah," katanya.

Penyelidikan melibatkan Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff, Profesor Madya Dr. Jolius Gimbut, Pang Sook Fun dan Luqman Chuah.

Pingat emas juga dimenangi Anisah Sajidah Haji Saud melalui projek "Agarwood

Hydro-Booster (Industrial Scale)", Vigneswaran A/L Rajamohan pula menerusi projek "Nano Particle Boards by Using Carbon Nano Fibers as Filler to Enhance Its Thermal and Mechanical Properties" dan Mohammad Hafizuddin Hambali dengan projek "Production of Base oil From Industrial Waste Sludges (From Waste To Wealth)".



Lain-lain penyelidik yang menerima pingat emas adalah Nur Rahimah Fitrah Mohd Sofyan menerusi penyelidikan F-Gen (Future Generation) Swiftlet, Sigithasan A/L Nagantheram dan Saravanan A/L Jayakumar. Dua pingat gangsa pula telah diraih oleh Mohd Razlan Azizan menerusi penyelidikan "Development of Instrumented Shoe Insole using Android Interface" dan Barath A/L Ponnusamy dengan penyelidikan "Table Tennis Launcher".

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berbangga dengan pencapaian pelajar yang mengharumkan nama universiti di persada antarabangsa dan kejayaan ini pastinya dapat menyuntik semangat penyelidik lain untuk terus mencipta kecemerlangan.

Pertandingan pada kali ini disertai oleh 14 buah negara termasuk Amerika Syarikat, Mesir, Romania, Kanada dan Qatar dengan 165 projek penyelidikan yang dipertandingkan di Seoul Trade Exhibition & Convention (SETEC). Pertandingan dirasmikan oleh Profesor Dr. Lee Ju Hyung yang merupakan Pengerusi Korea University Invention Association.



UMP raih 23 pingat dan anugerah khas dalam ITEX 2014



Universiti Malaysia Pahang (UMP) melakar kejayaan manis apabila meraih pencapaian 100 peratus pada Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa 2014 (ITEX'14) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 9 Mei 2014 yang lalu.

Daripada jumlah itu, UMP telah meraih sembilan pingat emas, sebelas pingat perak dan tiga pingat gangsa. Penyumbang tiga pingat emas disumbangkan oleh Dr. Gurumurthy Hedge yang menang kesemua produk yang dipertandingkan olehnya iaitu *"In-House Fabricated Cost Effective Conducting Nano Layers for Photonic Devices, Worm Displays dan Low Cost Production of Carbon Nanospheres from Biowaste"*.

Lebih membanggakan, Dr. Gurumurthy dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) ini juga turut meraih anugerah Khas Best Invention ITEX Award 2014 kategori Universiti melalui hasil penyelidikan *"Low Cost Production Of Carbon Nanospheres From Biowaste"*.

Pingat emas turut disumbangkan penyelidik Anita Abdul Rani dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) dengan hasil produk *"Modul dan Aplikasi Mudah Alih untuk Pekerja Muslim"* dan *"Gaharu Quality Detector (G-sen)"* oleh Dr. Saiful Nizam Tajuddin juga dari FSTI.

Pingat emas lain dimenangi produk *"Formulation of Multipurpose Grease From Waste Emulsions and Waste Red Gypsum (From Waste to Wealth)"* hasil penyelidikan

Mohd Najib Razali dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA).

Penyelidikan *"Multichannel Nanotubes"* oleh Profesor Dr. Jose Rajan dari FSTI dan penyelidikan *"A Novel Technique for Environmentally Friendly Fuel"* oleh Profesor Madya Dr. Abdurahman Hamid Nour dari FKKSA serta penyelidikan *"Synthesis of Photoactive liquid Crystals Using Bio-Heterogeneous Palladium Catalyst"* oleh Profesor Madya Dr. Md Lutfor Rahman dari FSTI turut menyumbang pingat emas.

Naib Canselor UMP, Profesor. Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berbangga dengan pencapaian bergaya meraih 100 peratus dalam produk penyelidikan yang dipertandingkan pada kali ini.

Katanya, pencapaian yang memberangsangkan ini membuktikan kebolehan penyelidik UMP dalam menghasilkan ciptaan yang bermutu tinggi dan boleh dimanfaatkan.

Sementara itu, penyelidikan *"Photocatalytic Reactor System (PHOTRECS) for Seawater Desalination"* oleh Dr. Ruzinah Isha yang menang pingat perak turut berjaya memikat hati juri dengan meraih Anugerah Khas Mawhiba dari King Abdul Aziz Foundation.

Dr. Mahyuddin Ismail dari PBMSK juga memenangi pingat perak dengan projek Pembangunan Standard Pengukuran Pematuhan Syariah bagi Pengamal Perubatan Traditional dan Komplementari. Turut sama

memenangi pingat perak produk *"One-Stop Calculation Formulae Using UMP's Had Al-Kifayah Unique Calculator Model: KifayaCalc 1.0"* oleh Dr. Mansor Sulaiman dan e-Book Penerbit UMP dengan *"Menjana Pendapatan dan Membudayakan Pembelajaran Secara Online"* oleh Profesor Madya Dr. Mohd Ghani Awang.

Begitu juga produk *"Water and Biodiesel As Emission Control In Diesel Engine"* oleh Amir Aziz; *"HPF Spanner"* oleh Dr. Ahmad Razlan Yusoff; *"Modular-Stack Vanadium Redox Flow Battery (V-RFB)"* oleh Dr. Mohd Rusllim Mohamed; *"Innovation Excellence Framework For Malaysian Higher Education: A Statistical Modelling Approach"* oleh Dr. Mohd Rashid Ab Hamid; *"Utilisation of local Industrial Waste for The Production of Valuable Fine Chemical"* oleh Dr. Mohd Hasbi Ab. Rahim dan produk *"A high Energy density transition Metal Oxide Nanowires Supercapacitor"* oleh Profesor Dr. Jose Rajan.

Pingat gangsa pula telah dimenangi melalui produk *"Modeling Gold Prices Using Hybrid Of Box-Jenkins-Garch dan Comparison Of Sum of Two Correlat Ed Gamma Variables for Alouini's Model and Mckay Distribution"* dari hasil penyelidikan Dr. Roslinazairimah binti Zakaria dan hasil penyelidikan *"Nano-Tunable Optical Switch"* oleh Profesor Madya Dr. Md Maksudur Rahman Khan. UMP juga turut menang pingat gangsa bagi kategori booth pameran terbaik dalam penganjuran ITEX pada tahun ini.



UMP anjur Majlis Jasa Dikenang

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Majlis Jasa Dikenang bagi merayakan lima orang pegawainya yang bersara dari perkhidmatan universiti pada 21 Ogos 2014 yang lalu di Hotel Zenith, Kuantan.

Mereka terdiri daripada pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Prof. Madya Nordin Endut dan Prof. Dr. Abdul Ghaffar Abdul Rahman dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) yang telah bersara pilihan.

Tiga lagi pegawai adalah Penolong Arkitek Landskap, Haji Hasnan Zakaria yang akan bersara pada 1 September diikuti Pendaftar, Haji Mustafa Ibrahim pada 11 Oktober dan pensyarah Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI), Yusof Hashim yang bersara pada 19 Oktober 2014.

Majlis dihadiri Naib Canselor UMP, Prof Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan pegawai utama universiti. Dalam ucapannya beliau berkata, majlis bertujuan mengabdikan

penghargaan dan pengiktirafan kepada lima pegawai yang selama ini setia berkhidmat dan komited dengan tanggungjawab yang diberikan sepanjang berkhidmat di UMP

"Majlis diadakan sebagai penghargaan kepada pesara yang telah memberi sumbangan dan jasa bakti dalam apa jua bentuk tanpa membezakan jawatan yang dipegang semasa berkhidmat," katanya.

Dalam kesederhanaannya, majlis ini mengandungi makna yang mendalam dan tujuan yang ikhlas. Setiap budi dan jasa yang telah disumbangkan kepada pembangunan, perkembangan dan kemajuan sesuatu organisasi itu adalah ibarat amal jariah yang sentiasa mengalir.

Beliau berkata, UMP ingin mengabdikan penghargaan dan pengiktirafan kepada lima orang pegawai dan mantan pegawai yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang kepada universiti ini dan kehadiran warga kerja ini membuktikan bahawa jalinan silaturahim dalam kalangan kita tetap kukuh dan akan terus berkesinambungan.

Dalam majlis ini, Haji Mustafa yang berucap mewakili pegawai yang lain merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih atas penganjuran program seperti ini.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Mortaza Mohamed, Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Profesor Dr. Wan Azhar Wan Yusoff dan Dekan FKKSA, Profesor Dato Dr. Rosli Mohd. Yunus.

UMP ingin mengabdikan penghargaan dan pengiktirafan kepada lima orang pegawai dan mantan pegawai yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang kepada universiti ini dan kehadiran warga kerja ini membuktikan bahawa jalinan silaturahim dalam kalangan kita tetap kukuh dan akan terus berkesinambungan.



Bicara Kemerdekaan

hayati semangat perjuangan rakyat Palestin

Lebih 100 orang staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) hadir dalam Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan ke-57 peringkat UMP yang berlangsung di Dewan Tun Fatimah UMP Kampus Gambang pada 19 Ogos 2014 yang lalu.

Majlis dirasmikan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang turut dihadiri oleh Pendaftar, Haji Mustafa Ibrahim merangkap Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat UMP dan pegawai kanan universiti.

Hadir sama Pengarah Jabatan Multimedia dan Dokumentasi Aman Palestin, Ustaz Anas Abdul Wahab yang turut menyampaikan ceramah kemerdekaan.

Sambutan Bulan Kemerdekaan merupakan acara tahunan yang dianjurkan bagi memperingati peristiwa bersejarah negara yang jatuh pada tanggal 31 Ogos setiap tahun.

Program sambutan bulan kemerdekaan dianjurkan bertujuan untuk meningkatkan semangat patriotisme di segenap lapisan masyarakat dan bangsa Malaysia.

Dengan bertemakan Malaysia: Disini Lahirnya Sebuah Cinta, UMP telah menyusun pelbagai program sambutan kemerdekaan di peringkat staf dan pelajar bagi memberi

kesedaran khususnya kepada warga UMP mengenai kemerdekaan negara yang telah dikecapi sejak 75 tahun yang lalu serta memperingati usaha-usaha para pejuang kemerdekaan negara tercinta.

Dalam ucapannya, Dato' Dr. Daing Nasir mengharapkan agar masyarakat mengambil iktibar daripada kisah silam ini bagi membolehkan generasi hari ini dan masa depan Malaysia terus menikmati negara ini sebagai satu semaian subur yang lestari.

"Perihal sejarah yang dikongsikan ini pastinya dapat membuka perspektif warga kerja sekalian mengenai peranan dan tanggungjawab kita di universiti ini terhadap anak-anak didik kita.

"Sejauh manakah kesedaran patriotisme secara ilmiah ini telah diselitkan di dewan kuliah, pejabat, lapangan aktiviti dan acara rasmi sebagai satu muhasabah dan pencerahan agar warga kita terus memelihara terangnya sinar "bintang timur" ini," katanya.

Dalam konteks ini, beliau mengharapkan tema sambutan kemerdekaan ke-57 pada tahun ini iaitu Malaysia; Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta akan dapat dimaknakan dalam erti kata yang sebenar.

Katanya, sekiranya dianalogikan kepada

umur manusia, 57 tahun merupakan usia emas, dan mereka yang telah melewati angka ini telah merasai pelbagai pengalaman sepanjang hidupnya.

"Individu yang telah melewati usia 57 tahun biasanya telah cukup arif dengan selok-belok kehidupan, yang mempengaruhi citra prinsip dan peribadinya.

"Ianya secara umumnya telah mematangkan Malaysia sepanjang kewujudannya sebagai sebuah negara yang berdaulat. Walaupun perpaduan rakyat Malaysia diuji pada tahap maksimum dalam peristiwa hitam 13 Mei 1969, namun keupayaan untuk mengembalikan keharmonian hubungan kaum selepas detik itu merupakan satu pencapaian yang amat cemerlang," ujar beliau lagi.

Dalam program ini, tetamu yang hadir berpeluang mendengar ceramah umum kemerdekaan oleh Ustaz Anas dengan tema "Patriotisme dan Kemerdekaan: Perkongsian Pengalaman Semangat Juang dan Pengorbanan di Negara Palestin".

Beliau turut berkongsi pengalamannya sepanjang mengetuai kesemua Misi Aman Palestin iaitu 18 misi ke Gaza, Palestin, Syria, Lubnan dan Jordan.



KFR1M..... Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan, Dato' Sri Hassan Malek merasmikan Kafe Rakyat 1 Malaysia (KFR1M) yang pertama di Malaysia di kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP) Gambang.



KAYUH..... UMP Pekan turut menjadi laluan peserta Kuantan 160 Century Ride 2014.



MERIAH..... Suasana jamuan hari raya di UMP Pekan.



TAFAKUR..... Staf UMP turut sama bertafakur selama seminit bagi menghormati jenazah mangsa nahas pesawat Malaysia Airlines MH17 sempena istiadat penerimaan jenazah mangsa tragedi itu.





BERTUAH..... KDYTM Tengku Mahkota Pahang Tuanku Canselor UMP melayan tetamu yang hadir pada Majlis Berbuka Puasa UMP 2014.



CANSELERI..... Pembinaan Bangunan Canseleri UMP Pekan sedang giat dijalankan.



KERJASAMA..... Naib Canselor mendengar penerangan berkaitan kerjasama antara UMP dan Kolej Komuniti Pekan dalam bidang automotif.



GEMBIRA..... Staf UMP dan wartawan media Kuantan bergambar beramai-ramai sempena Karnival Sukan Media UMP 2014.

Klik-Klik Lensa



'Ramadan Jangan Pergi, Palestin Dekat di Hati' bincang konflik kemanusiaan penduduk Palestin

Persatuan Wanita Universiti Malaysia Pahang (Matahari) mengambil inisiatif menganjurkan program ceramah bertajuk 'Ramadan Jangan Pergi, Palestin Dekat di Hati' bagi sama-sama menghayati konflik kemanusiaan yang sedang dihadapi penduduk Palestin pada masa ini.

Ceramah disampaikan pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Ustaz Ahmad Irfan Ikmal Hisham yang pernah melanjutkan pengajian sarjana dalam jurusan Islamic Jerusalem Studies di University of Aberdeen, United Kingdom.

Penganjuran program mendapat kerjasama pihak Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (PPTI) dan Pejabat Naib Canselor.

Presiden Persatuan Matahari, Profesor Madya Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim berkata, liputan meluas media tentang konflik kemanusiaan yang semakin meruncing pada masa ini menarik perhatian pihaknya untuk sama-sama memahami situasi umat Islam yang ditindas di gending Gaza.

"Banyak gambar terutamanya membabitkan kanak-anak yang cedera dan maut yang mana telah dimuatnaik dalam media sosial, siaran akhbar dan berita televisyen amat menyentuh hati serta naluri kemanusiaan kami," katanya semasa menyampaikan ucapan alu-aluan dalam program yang berlangsung di Dewan Bankuet UMP Kampus Gambang pada 23 Julai 2014 yang lalu.

Menurutnya, atas dasar keprihatinan ini,

pihak Matahari berbesar hati menyumbang sebanyak RM5,000 yang akan diserahkan untuk Tabung Kemanusiaan Palestin. Sumbangan diserahkan kepada Ketua Pejabat Naib Canselor, Abd. Rahman Haji Safie

Beliau turut menyampaikan sumbangan kuih raya kepada ahli Matahari menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelma tidak lama lagi.

Sementara itu, dalam ceramah yang disampaikan Ustaz Irfan, beliau mengingatkan pentingnya masyarakat untuk meningkatkan kefahaman tentang sejarah dan kedudukan geografi tanah kawasan Palestin yang kini menjadi milik orang Yahudi.

"Kita juga boleh merujuk Surah Al-Isra' dalam Al-Quran yang tercatat di dalamnya tercatat perihal masa hadapan yang mengaitkan bangsa Yahudi yang begitu signifikan dengan masyarakat akhir zaman," katanya.

Beliau menasihatkan agar semua warga universiti ini terus mendoakan keselamatan umat Islam dan memperbanyakkan membaca Doa Qunut Nazilah buat saudara kita di Gaza.

Bagi staf Unit Audit Dalam UMP, Muhammad Akram Abdul Razak yang merupakan Ketua Biro Prihatin, PPTI berkata, banyak pencerahan yang diperoleh menerusi ceramah yang disampaikan.

Beliau berharap pelbagai program dapat diteruskan dalam usaha membantu penduduk Palestin yang menderita sejak sekian lama.

Program dihadiri hampir 100 orang bagi menyampaikan bantahan terhadap kekejaman yang dilakukan terhadap penduduk Palestin. Hadir sama Ketua Timbalan Pendaftar UMP, Datin Fazia Ali yang merupakan penasihat Persatuan Matahari bersama barisan jawatankuasa persatuan.





Kenaikan pangkat staf dan alumni UMP dalam Askar Wataniah

Berita dan foto oleh: IMADUDDIN ABIDIN

Dua orang staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan seorang alumni UMP berjaya dinaikkan pangkat Askar Wataniah dalam Majlis Pemakaian Pangkat yang disempurnakan Pegawai Memerintah Batalion Pertama, Yang Mulia Letenan Kolonel Tengku Dato' Seri Kamarulzaman Ibni Almarhum Sultan Sir Abu Bakar dengan disaksikan oleh Penolong Pegawai Memerintah Batalion Pertama, Letenan Kolonel Roslan Baharom di Kem Forever First, Batalion Pertama Rejimen 505 Askar Wataniah, Kuantan pada 13 Julai 2014 yang lalu.

Mendahului senarai adalah pensyarah kanan di Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Kapten Dr. Ir. Ahmad Ziad Sulaiman bagi pemakaian pangkat dari Letenan ke Kapten berkuat kuasa mulai 19 Disember 2013. Beliau juga merupakan Timbalan Dekan di Institut Pengajian Siswazah (IPS).

Kapten Dr. Ir. Ahmad Ziad merupakan tulang belakang

dalam penubuhan pasukan Askar Wataniah UMP yang bermula pada tahun 2005. Sepanjang perkhidmatan, beliau telah dianugerahkan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K) oleh DYMM Sultan Pahang dan Pingat Kebaktian (PK) oleh Tentera Darat Malaysia.

Selain beliau adalah Kapten Imaduddin Abidin yang telah dinaikkan pangkat dari Letenan ke Kapten berkuat kuasa mulai 14 Februari 2014. Beliau merupakan pensyarah di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK).

Beliau merupakan seorang pegawai yang sangat berdedikasi dan juga merupakan pegawai yang bersama-sama dengan Kapten Dr. Ir. Ahmad Ziad dalam penubuhan Askar Wataniah UMP pada tahun 2005. Sepanjang perkhidmatan, beliau telah dianugerahkan Pingat Kelakuan Terpuji (P.K.T) oleh DYMM Sultan Pahang dan Pingat Kebaktian (P.K) oleh Tentera Darat Malaysia.

Kedua-dua mereka adalah merupakan penasihat Pasukan

Askar Wataniah UMP dan Ahli Jawatankuasa Penubuhan PALAPES DARAT UMP dan melalui kehidupan sebagai seorang pegawai kadet Tentera Darat selama tiga tahun sebelum ditauliahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke dalam perkhidmatan.

Mereka juga telah mengikuti tiga kursus ketenteraan dengan jayanya iaitu Kursus Ketua Platon, Kursus Senjata Bantuan serta Kursus Staf dan Taktik Gred 3 di Pusat Latihan Askar Wataniah (PUSWATAN), Ipoh, Perak.

Sementara itu, bagi pemakaian pangkat dari Letenan Muda ke Letenan berkuat kuasa bermula 26 Mac lalu adalah Letenan Suyani Arifin. Beliau merupakan bekas pelajar UMP dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (2005-2009).

Letenan Suyani merupakan pelajar dari kumpulan pertama yang telah menganggotai pasukan Askar Wataniah UMP pada tahun 2005. Bermula dari anggota lain-lain pangkat beliau

seterusnya ditauliahkan ke pangkat Letenan Muda pada tahun 2012.

Antara kursus-kursus kerjaya ketenteraan yang telah dihadiri oleh beliau adalah Kursus Asas Perajurit Muda (Sukarela), Kursus KADAR, Kursus Bakal Pegawai, Kursus Ketua Platon, Kursus Senjata Bantuan dan Kursus Staf dan Taktik Gred 3. Letenan Suyani kini bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Politeknik Muadzam Shah.

Bagi Kapten Dr. Ir. Ahmad Ziad, pemilihan ini merupakan pengiktirafan dari Tentera Darat terhadap penglibatan, sumbangan dan pengorbanan staf juga bekas pelajar UMP di dalam Kor Rejimen Askar Wataniah," katanya.

Beliau mengharapkan ianya dapat dijadikan sebagai suntikan semangat dan contoh kepada semua warga universiti agar dapat melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan yang boleh menyumbang terhadap agama, bangsa dan negara.



FSKKP anjur bengkel kesedaran ICT untuk tingkat ekonomi wanita

Lebih 100 orang yang terdiri dari golongan wanita sekitar negeri Pahang menghadiri Bengkel Pengenalan Kesedaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) bagi meningkatkan ekonomi wanita Negeri Pahang yang diadakan di Dewan Astaka, Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang pada 23 Ogos 2014 yang lalu.

Bengkel yang diadakan buat kali ketiga anjuran Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) ini bertujuan memberikan pendedahan kepada golongan wanita berkenaan peranan dan kelebihan ICT di samping memberikan pengetahuan asas berkaitan ICT untuk kegunaan masa hadapan.

Bengkel yang diadakan selama sehari ini juga merupakan salah satu tanggungjawab sosial UMP terhadap masyarakat.

Majlis penutup disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Komunikasi dan Multimedia Negeri Pahang, Dato' Shahaniza Shamsuddin.

"Pada masa kini, komunikasi jalur lebar telah menjadi satu keperluan dalam negara kita, oleh yang demikian, kerajaan telah mempertingkatkan dari semasa ke semasa kemudahan teknologi jalur lebar.

"Sehingga hujung tahun ini, kerajaan telah menyediakan 80 Pusat Internet 1 Malaysia dengan kelengkapan lebih 20 buah komputer untuk dimanfaatkan oleh semua pihak," katanya.

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Mortaza Mohamed yang hadir mewakili Naib Canselor berkata, gelombang hasil ledakan ICT ini telah mencorakkan transformasi landskap ekonomi tersebut yang menyebabkan kita kini amat bergantung kepada ICT dan teknologi digital untuk urusan kehidupan sehari-hari.

Justeru katanya, UMP bekerjasama dengan CIMB Bank dan Pos Malaysia Berhad dalam menjayakan bengkel ini.

Salah seorang peserta dari Sekolah

Menengah Kebangsaan Bandar Tun Razak, Pavitra Rajan menyifatkan bengkel kali ini sangat bermanfaat kepada beliau dan berharap agar dapat menyertai bengkel sebegini pada masa akan datang.

Turut hadir Timbalan Dekan FSKKP, Dr. Mazlina Abdul Majid dan Pegawai Eksekutif Jabatan Teknologi Perbankan CIMB Kuala Lumpur, Alif Izham Ismail.





Program Singgah Sahur bantu erat hubungan dengan masyarakat

Seramai 200 orang dalam kalangan staf dan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama gabungan Kelab Proton Waja Negeri Pahang menganjurkan Program Jom Singgah Sahur yang buat julung kalinya dianjurkan tahun ini melibatkan beberapa agensi.

Program mendapat kerjasama daripada Auto Speed Owners Club (ASoC), Kelab Rakan Muda Paya Besar dan Kelab Penyayang UMP. Turut menjayakan program Persatuan Wanita UMP (Matahari), Komuniti Perwani 1 Malaysia dan Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Pahang.

Majlis pelepasan konvoi disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMP, Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin di perkarangan Dataran Canseleri UMP Kampus Gambang pada malam 18 Julai 2014 yang lalu.

Dalam ucapannya beliau berkata, tujuan program diadakan adalah bagi merapatkan hubungan antara pelajar dengan orang luar

serta memasyarakatkan kampus. Program ini memfokuskan terhadap mereka yang bekerja pada waktu malam terutamanya dalam kalangan penjawat awam dan agensi kerajaan dengan berkonsepkan singgah bermesra dan menyerahkan sumbangan juadah bersahur kepada mereka.

Program Singgah Sahur ini juga mendapat kerjasama yang baik apabila Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Komunikasi dan Multimedia Negeri Pahang, Dato' Shahaniza Shamsuddin. Turut sama hadir menyampaikan bungkusan makanan untuk sahur kepada petugas di hospital HTAA ialah Ketua Timbalan Pendaftar UMP, Datin Fazia Ali, Pengarah Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Datuk Dr. Marlia Mohammed Salleh dan Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita Pahang, Nurul Aini Mohammad.

Menurut Dato' Dr. Yuserrie, program yang melibatkan pelajar dan staf UMP serta komuniti setempat ini dapat merapatkan hubungan di antara peserta dan masyarakat luar serta memahami kehidupan bermasyarakat dan memupuk nilai-nilai murni peserta.

"Peserta turut cuba menyelami suasana bersahur ketika pihak beruniform seperti pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia, Bomba,

Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), RELA dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang bertugas menjaga keselamatan dan ketenteraman awam terutamanya pada waktu malam hari," katanya yang hadir bermesra dengan peserta.

Katanya, penglibatan pelajar dalam program ini memberi peluang kepada mereka mendekati masyarakat dan menjalinkan kemesraan terutamanya ketika berkunjung ke rumah anak yatim dan bertemu dengan warga emas.

Malahan, usaha ini dilihat mampu memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai realiti kehidupan dalam masyarakat hari ini.

Bagi pengarah program, Badrul Naim Abidin berkata, program ini memberi peluang kepada peserta konvoi untuk makan sahur bersama-sama serta memupuk kesedaran para peserta betapa pentingnya kasih sayang untuk dirasakan oleh anak-anak yatim.

Peserta konvoi melibatkan 100 kereta dan motorsikal yang terdiri daripada ahli Gabungan Kelab Proton Waja Negeri Pahang dan Auto Speed Owners Club (ASoC).

Sebanyak 20 lokasi persinggahan termasuklah Sekolah Maahad Tahfiz, Balai Bomba Indera Mahkota, Hospital Tun Ampuan Afzan, Rumah Orang Tua Sungai Soi, MABIQ Tanjung Lumpur dan Permata Camar. Program berakhir dengan bersahur bersama-sama dengan anak-anak yatim di Permata Camar.





UMP dan ECERDC anjur program motivasi perdana untuk calon UPSR luar bandar

Dalam usaha membantu meningkatkan pencapaian pelajar sekolah luar bandar, Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama pihak Sekolah Kebangsaan (SK) Pekan Jaya dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) menganjurkan program Motivasi Perdana UPSR 2014 bertempat di sekolah itu pada 16 Ogos 2014 yang lalu.

Seramai 200 peserta yang terdiri daripada pelajar dan ibu bapa yang menyertai program sebagai persediaan pelajar menghadapi peperiksaan UPSR tidak lama lagi. Majlis perasmian dirasmikan oleh Pegawai Daerah Pekan, Asiah Hamzah yang turut sama-sama memberi sokongan motivasi kepada anak-anak yang bakal menduduki peperiksaan itu.

Dalam ucapannya beliau berkata, peranan ibu bapa amat penting dalam melahirkan anak yang cemerlang.

“Peranan ibu bapa ini amat besar iaitu merekalah jurulatih, mentor, sahabat dan guru di rumah. Jadi dengan program ini bukan sahaja untuk meningkatkan motivasi pelajar malah kepada ibu bapa juga.

“Dengan sokongan ibu bapa, pihak swasta dan komuniti dapat memantapkan lagi pencapaian cemerlang pelajar,” katanya.

Menurut Pengurus Kanan Bahagian Pembangunan Sosial ECERDC, Mohd Prasad Hanif pula, sesi motivasi ini merupakan salah satu usaha yang dilaksanakan oleh ECER di bawah program *empower* yang direka khusus memberi inspirasi dan menggalakkan para pelajar agar berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.

Manakala menurut Pengarah Program UMP-ECERDC, Zainal Bahari, program sehari ini sememangnya dirancang bagi memberi penekanan terhadap



kekuatan mental dalam situasi pelajar menghadapi peperiksaan.

Selain itu juga, ianya dapat meningkatkan motivasi pelajar dan ibu bapa agar terus berkeyakinan untuk cemerlang dalam pembelajaran dan menghadapi peperiksaan UPSR tidak lama lagi.

Antara pengisian program adalah slot motivasi perdana

murid dan ibu bapa serta sesi dialog bagi membincangkan permasalahan menangani emosi anak bagi menghadapi peperiksaan.

Hadir sama Guru Kaunseling Sekolah Kebangsaan Tanjung Batu, Mohd Ramdzan Mohd Zain dan guru Sekolah Kebangsaan Pekan Jaya merangkap Setiausaha Peperiksaan, Nor Azah Abdullah Sani.



Persatuan Matahari rai anak yatim, sumbang kelengkapan raya

Sambutan Hari Raya Aidilfitri pastinya lebih bermakna bagi anak-anak yatim dan miskin dari Rumah Tunas Harapan Semai Bakti Jengka Pahang apabila mereka menerima sumbangan kelengkapan raya daripada Persatuan Wanita Universiti Malaysia Pahang (Matahari) pada 20 Julai 2014 yang lalu.

Menurut Presiden Persatuan Matahari, Profesor Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim, pihaknya berharap sumbangan berbentuk sepasang baju melayu, songkok dan kasut bagi kanak-kanak lelaki dan baju kurung, tudung dan kasut ini untuk kanak-kanak perempuan dapat menceriakan lagi suasana Aidilfitri.

"Mereka yang terdiri daripada kanak-kanak berusia antara lapan hingga 18 tahun ini dibawa dari Jengka untuk membeli-belah kelengkapan raya di Pasar Raya Mydin di Kuantan.

"Jelas terpancar kerian apabila mereka teruja memilih pakaian sendiri dan kita dapat lihat keceriaan terukir di wajah mereka semasa memilih kelengkapan mengikut warna kesukaan masing-masing," ujarnya.

Dr. Mimi Sakinah berkata, bersempena bulan Ramadan ini juga, Matahari turut menyumbang kuih raya dan lain-lain keperluan termasuk selimut, tuala, kelengkapan kebersihan diri dan perbelanjaan dapur untuk kegunaan

penghuni Rumah Tunas Harapan ini.

Lebih meriah, mereka juga berpeluang berbuka puasa bersama-sama dengan penghuni rumah ini di Bandar Jengka Pahang.

Tambah beliau, aktiviti sukarelawan ini merupakan sebahagian daripada program anjuran Persatuan Matahari yang terdiri dalam kalangan staf wanita dan isteri staf UMP dalam mendekati diri dengan masyarakat luar.

Bagi penjaga kanak-kanak perempuan, Rosita Surif mengucapkan terima kasih kepada pihak Matahari kerana sudi menghulurkan sumbangan tersebut.

Katanya, mereka sungguh seronok dan tidak sabar menggayakan pakaian baharu pada pagi 1 Syawal nanti.

"Terima kasih di atas sumbangan baju raya ini yang pastinya akan menceriakan lagi sambutan Hari Raya kami nanti," katanya lagi. Seorang penerima yang kehilangan ayah sejak beberapa tahun lalu, Siti Hajar Samsuddin, 8, berkata, ianya merupakan hadiah paling bermakna buatnya kerana dapat memilih baju raya mengikut citarasa sendiri.

Hadir sama Penasihat Persatuan Matahari, Datin Fazia Ali yang hadir bersama ahli jawatankuasa yang lain yang turun padang bagi memeriahkan lagi suasana sekaligus menunjukkan sikap prihatin terhadap nasib anak-anak yang kurang bernasib baik.

Aktiviti sukarelawan ini merupakan sebahagian daripada program anjuran Persatuan Matahari yang terdiri dalam kalangan staf wanita dan isteri staf UMP dalam mendekati diri dengan masyarakat luar.



Mahasiswa FTek pelajari kemahiran baiki telefon bimbit

Berita dan foto oleh: NOOR INTAN SHAFINAS MUHAMMAD



Seramai 26 orang mahasiswa tahun dua program Teknologi Kejuruteraan Elektrik dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTek) mengikuti Bengkel Membaiki Telefon Bimbit secara komprehensif selama empat hari dengan bimbingan Ahmad Sharbani yang merupakan seorang pengusaha industri baiki telefon bimbit dari Kuala Lumpur.

Dekan FTek, Profesor Dr. Zularisam Abd. Wahid berkata, mengikut statistik lebih kurang 21.5 juta orang di Malaysia mempunyai telefon bimbit mereka sendiri.

“Ianya menunjukkan bahawa kemahiran membaiki telefon bimbit merupakan satu kemahiran khas yang sangat mendapat perhatian pada masa kini.

“Justeru, FTek mengambil satu inisiatif dengan menganjurkan bengkel ini supaya mahasiswanya dapat didedahkan dengan kemahiran baharu selain daripada pembelajaran di dalam kelas.

“Matlamat utama bengkel ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai konsep teknologi, elemen-elemen dan aplikasi telefon bimbit. Mahasiswa juga boleh mengenal

segala maklumat asas terutamanya fungsi dan kegunaan setiap komponen yang diguna pakai di dalam telefon bimbit.

“Selain berpeluang mengetahui teknik pengendalian komponen-komponen, mahasiswa didedahkan dengan kaedah pemeterian yang betul dan konsisten oleh tenaga pengajar,” katanya yang hadir dalam majlis perasmian penutup bengkel pada 27 Jun 2014 yang lalu.

Menerusi bengkel ini mahasiswa dibekalkan setiap seorang dengan sebuah telefon bimbit yang rosak.

Setiap komponen yang terdapat di dalam papan litar diajar penggunaannya dan juga kaedah untuk menukarkan dengan yang baharu.

Mahasiswa juga dibimbing cara mengesan kerosakan, memperbaikinya dan kaedah mengelakkan daripada berlakunya kerosakan berulang.

Dr. Zularisam mengharapkan ilmu yang diperoleh ini mampu dipraktikkan dan beliau percaya bakal usahawan pintar dapat dihasilkan dalam waktu yang singkat malahan UMP dapat melahirkan mahasiswa yang berkemahiran tinggi serta lebih berdaya saing.



Explore Kapit

kongsi inovasi pelajar dengan komuniti rumah panjang

Berita dan Foto oleh: ABD. RAHMAN AHMAD



Seramai 24 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalankan program khidmat masyarakat, perkongsian akademik dan sosiobudaya dengan komuniti rumah panjang di Kampung Ng. Merit yang merupakan salah sebuah perkampungan pedalaman di daerah Kapit di negeri Sarawak pada 16 Julai 2014 yang lalu.

Program anjuran Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (SAffAD) itu turut mendapat sokongan daripada Kerajaan Negeri Sarawak dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Program bertujuan untuk mendekati masyarakat luar bandar yang terdiri daripada suku Kaum Iban dan kaum Beketan yang merupakan kaum minoriti Sarawak. Menariknya program ini peserta berpeluang menjalankan projek inovasi yang boleh dimanfaatkan komuniti masyarakat rumah panjang di luar bandar ini.

Menurut Pengarah Program, Micheal Anak Jangi, 23, menerusi program ini mahasiswa berpeluang tinggal bersama 16 keluarga angkat di rumah panjang dan menjalankan aktiviti seharian bersama penduduk di sana.

"Penduduk rumah panjang amat gembira dan teruja menerima kedatangan mahasiswa UMP dan pengalaman ini merupakan yang pertama seumpamanya buat mereka menerima tetamu dari luar yang sanggup tinggal selama enam hari bersama-sama mereka.

"Mahasiswa juga melaksanakan program

khidmat komuniti dengan menjalankan projek inovasi pembinaan "Water Dam" untuk mendapatkan kemudahan air kepada penduduk yang bergantung kepada sumber air sungai sebagai sumber air.

Menerusi projek ini, mahasiswa bersama komuniti penduduk kampung bersama-sama menjalankan aktiviti meninggikan aras ketinggian tanah sebagai sekatan untuk membuatkan air bertakung bagi memastikan air mengalir deras," katanya yang berbangga dapat membawa raka-rakan mahasiswa berkunjung ke kampung asalnya.

Micheal yang pernah dilantik memegang jawatan Naib Yang di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2012/2013 berkata, program ini memberi beliau peluang berkongsi pengetahuan tentang projek inovasi tahun akhir seliaan pensyarah FKM, Profesor Dr Ir. Yusoff Ali.

Projek "Aquaponik Gravity Flow System" yang menggabungkan tanaman sayuran kangkung dan ikan talapia ini boleh dijalankan penduduk di sini.

Lain-lain projek termasuklah demonstrasi hasil penyelidikan mahasiswa FKM, Tan Hong Boon iaitu "Solar Cooker" - masakan dengan menggunakan pantulan cahaya matahari, "Mechanical Water Pump"- fabrikasi untuk menyalurkan air ke rumah panjang bagi menjimatkan penggunaan pam dan projek yang dinamakan "Engine Sterring".

Dalam masa yang sama peserta program turut membantu pelajar sekolah menyediakan mini perpustakaan, melukis dan

mewarna lukisan dinding (Mural) dan projek penghasilan "Water Rocket Launcher" yang dijalankan di Sekolah Kebangsaan Ng Merit.

Lebih meriah diadakan program sukaneka dan pertandingan antara rumah panjang seperti acara tarik tali dan bola sepak. Turut diadakan program motivasi, perkongsian ilmu dan lawatan sambil belajar ke SK. Ng Merit, Sekolah Menengah Kebangsaan Kapit dan Kolej Vokasional Sibul (KVS), Sarawak.

Majlis penutup program disempurnakan Timbalan Menteri, Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi yang turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin dan pegawai SAffAD selaku Penasihat Program Explore Kapit 2014, Abdul Rahman Ahmad.

Profesor Dato' Dr. Yuserrie mengharapkan program sebegini harus diteruskan kerana ianya mempamerkan sikap keprihatinan mahasiswa UMP yang peka terhadap pembangunan masyarakat luar bandar.

"Malahan, ianya juga dapat memberi kesedaran kepada masyarakat luar bandar dan pelajar sekolah terhadap kepentingan ilmu pembelajaran, sains dan kejuruteraan dalam kehidupan," ujar beliau.

Penghuni rumah panjang juga menganjurkan mengadakan majlis meraikan tetamu iaitu "Ngiling Bidai" yang turut menampilkan pelbagai persembahan termasuk sketsa dan tarian "Ngajat" yang disertai bersama komuniti rumah panjang dan mahasiswa.



Larian Amal Penyayang UMP jayakan Kempen Gaya Hidup Sihat

Lebih 600 orang peserta dalam kalangan mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama anak-anak yatim berpeluang menyertai Larian Amal Penyayang di sekitar kampus UMP Pekan bagi menjayakan Kempen Gaya Hidup Sihat dan menyokong usaha Inisiatif Kampus Hijau yang diperkenalkan universiti pada 10 Mei 2014 yang lalu.

Program anjuran Kelab Penyayang dan Majlis Perwakilan Pelajar ini bertujuan menjalinkan hubungan erat antara UMP dan penghuni rumah anak-anak yatim dari Rumah Anak Yatim Permata Camar, Permata Insyirah dan Rumah Amal Hembusan Kasih Sayang sebagai galakan dalam mengamalkan budaya gaya hidup sihat serta mengumpul tabung untuk membantu rumah anak-anak yatim berkenaan.

Lebih menarik larian amal ini turut disertai oleh Fauzi Nawawi seorang pelakon dan pengarah terkenal di Malaysia. Fauzi bersama seorang lagi selebriti Betty Benafe hadir dalam menjayakan program Bicara Santai Bersama Selebriti, yang juga diadakan bersempena program ini.

Berkongsi pengalaman dalam mengamalkan budaya hidup sihat, Fauzi menasihatkan mahasiswa agar bijak membahagikan masa untuk tampil sihat, cergas dan merencana masa

depan untuk berjaya dalam kehidupan.

Begitu juga dengan Betty yang turut berkongsi pengalamannya sewaktu tinggal di kampus dahulu turut mengingatkan mahasiswa agar pandai membahagikan masa dan jangan mudah terpengaruh dengan unsur-unsur negatif sehingga menyebabkan keciciran dalam pengajian.

Bagi pengarah program, Fatin Nabila Sazali berkata, program ini merupakan sebahagian usaha pihaknya dalam menyemai budaya prihatin dalam kalangan mahasiswa UMP untuk mendekati diri dengan masyarakat dan golongan yang memerlukan.

"Mahasiswa berpeluang bermesra dengan anak-anak yatim ini yang sangat memerlukan sokongan dan sentuhan kasih sayang. Selain itu, mahasiswa dapat memberikan anak-anak ini dorongan untuk berjaya dalam kehidupan mereka," katanya.

Dalam program ini, Pengarah Pusat Kokurikulum UMP, Ramle Abid hadir menyampaikan hadiah kepada pemenang program larian. Beliau turut menyerahkan sumbangan RM 1100 bagi setiap rumah anak yatim.

Hadir sama dalam program, Timbalan Pendaftar Pejabat Naib Canselor, Abd. Rahman Haji Safie dan Penasihat Kelab Penyayang, Rozana Sahadan.





Pementasan mantap Kumpulan Teater WARIS dalam kisah “Pelamin Si Buyung”

Pengalaman dalam pementasan teater Ustaz Zapin, Konspirasi Bangkit, Keroncong untuk Ana dan Si Buyung berjaya menyakinkan barisan pelakon Kumpulan Teater WARIS yang tampil dengan pementasan mantap dalam persembahan teater kisah “Pelamin Si Buyung” hasil lakonan 10 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Program berlangsung di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang pada 17 Mei 2014 yang lalu.

“Pelamin Si Buyung” merupakan kesinambungan “Kisah Si Buyung” yang mengisahkan watak Azmi yang dilakonkan oleh Royzaibsugian Bambangugian yang telah kembali ke kampung halaman untuk bertemu keluarganya.

Tanpa disangka kepulungannya menjadi momen bermakna setelah bertemu jodoh di hadapan kedai bunga semasa membeli ros. Perancangan untuk berkahwin terus dirancang dan adat perkahwinan Johor menjadi komedi indah dalam perkahwinan mereka.

Teater hasil karya dan arahan sulung pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Muhammad Aliff Adzham Anuar ini mendapat sambutan hangat penonton yang hadir menyaksikan persembahan yang dipentaskan selama satu jam setengah itu.

“Pementasan teater kali ini dianjurkan untuk memantapkan lagi mutu lakonan mahasiswa dan ianya juga merupakan sesi pemilihan pelakon bagi mewakili UMP untuk pementasan teater bagi program-program yang akan datang nanti nanti,” katanya yang juga Ketua Kumpulan Teater WARIS.

Bagi Royzaibsugian yang melakonkan watak utama dan berpengalaman selama dua tahun dalam pementasan teater berkata, beliau akan meneruskan usaha memantapkan persembahannya dan berharap agar seni pementasan teater ini di UMP akan terus berkembang di masa akan datang.

Lebih 500 penonton hadir menyaksikan persembahan teater termasuk Pengarah Pusat Kokurikulum, Ramle Abid dan Timbalan Pendaftar Pejabat Naib Canselor, Abd. Rahman Haji Safie.



PELANTIKAN BAHARU/PENYAMBUNGAN JAWATAN GILIRAN



Profesor Dr. Jasni binti Mohamad Zain
Dekan
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan
Perisian
1 Mei 2014 hingga 30 April 2016



Ahmad Nazif bin Noor Kamar
Timbalan Dekan
(Akademik & Hal Ehwal Pelajar)
Fakulti Pengurusan Industri
1 Jun 2014 hingga 31 Mei 2015



Prof. Madya Dr. Zularisam bin Ab Wahid
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
16 Mei 2014 hingga 15 Mei 2016



Dr. Liu Yao
Timbalan Dekan
(Penyelidikan & Pascasiswazah)
Fakulti Pengurusan Industri
1 Jun 2014 hingga 8 Jun 2015



Dr. Mohd Ridzuan bin Darun
Dekan
Fakulti Pengurusan Industri
16 Mei 2014 hingga 15 Mei 2016



Dr. Hadi bin Manap
Timbalan Dekan
(Penyelidikan & Pengajian Siswazah)
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
16 Jun 2014 hingga 15 Jun 2016



Chong Ah Kow
Pengarah
Mandarin Language & Culture Centre
3 Jun 2014 hingga 2 Jun 2015



Profesor Madya Dr. Zuwairie bin Ibrahim
Timbalan Dekan
(Penyelidikan & Pengajian Siswazah)
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
23 Jun 2014 hingga 22 Jun 2016



Muhammad Hairynizam bin Muhd Taib
Pengarah
Pejabat Pengurusan Keselamatan & Kesihatan
Pekerjaan
15 Ogos 2014 hingga 31 Julai 2016



Profesor Madya Ir. Adnan bin Zulkiple
Timbalan Dekan
(Akademik & Hal Ehwal Pelajar)
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
1 Julai 2014 hingga 30 Jun 2014



Mohd Ihsan bukti graduan UMP mampu urus projek di luar negara

Ternyata mahasiswa Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) bukanlah sekadar melahirkan graduan yang bakal memenuhi kehendak industri negara, malah turut menghasilkan bakal jurutera yang sangat berbakat sehingga mampu menempatkan diri dalam kalangan syarikat gergasi antarabangsa. UMW Synergistic Generation merupakan sebuah syarikat antarabangsa yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang teknologi kejuruteraan dan salah satunya ialah dalam bidang *oil and gas* yang

turut menempatkan Mohd Ihsan Abd Rahim, 25 sebagai salah seorang juruteranya.

Walau baharu sahaja dua tahun menempatkan diri di dalam syarikat tersebut, namun dipertanggungjawabkan dengan projek yang agak mencabar apabila beliau ditempatkan di negara Iraq dalam mengendalikan kerja-kerja piping in Garraf Power Plant Iraq. Beliau telah dipertanggungjawabkan dalam segala kerja piping di *Power Plant* tersebut termasuklah dalam fasa kejuruteraan, penetapan spesifikasi, pemasangan dan sebagainya.

Ternyata usia setahun jagung dalam dunia pekerjaan bukanlah menjadi penghalang buat anak kelahiran Selangor ini untuk membuktikan beliau sememangnya layak dalam menguruskan projek di luar negara ini sekaligus menyandang jawatan sebagai Jurutera Mekanikal Perpaipan.

“Sangat mencabar bekerja di negara Iraq ini namun saya dapat atasinya dan menjadikan ia satu cabaran yang sangat positif kepada saya kerana dapat mempelajari selok belok dunia pekerjaan sebenar serta secara tidak langsung dapat mengenali ramai jurutera yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing,” ujar jelas anak keenam daripada sepuluh beradik ini.

Turut aktif dalam berpersatuan, Mohd Ihsan berpendapat bahawa kejayaannya ini turut didorong oleh ilmu yang diperoleh di UMP yang amat praktikal untuk diterapkan dalam dunia pekerjaan sebenar. Malah beliau

menyifatkan apabila ditempatkan di negara asing bersama-sama dengan pakar dalam bidang kejuruteraan, tidak sedikit pun beliau berasa kekok untuk menimba ilmu daripada mereka serta bersama-sama menggembeng tenaga dalam mengerjakan projek tersebut.

Sebagai bekas Presiden Persatuan Seni Silat Gayong yang turut berpeluang menjadi wakil UMP dalam menjalankan kursus kejurulatihan silat bagi L'association Francaise de Silat Seni Gayong di Lille, Perancis merupakan antara pemangkin dalam menguatkan semangat beliau dalam menempuh dunia perkerjaan di negara asing ini.

Tambahnya, UMP bukan sahaja menjanjikan ilmu kejuruteraan yang bermutu malah merupakan medan meningkatkan jati diri mahasiswa yang bakal mengisi kekosongan dunia pekerjaan kelak.



Institusi Repositori UMP: Ke Arah Penarafan Universiti

Oleh: NOORUL FARINA ARIFIN

“Encouraging academics to place their publications into repositories, enhancing their availability and visibility to the global academic community and increase the chances for use and exchange of idea among scholars within similar disciplines (Abrizah et al. 2007)”

Apakah Institusi Repositori?

Institusi Repositori UMP (UMP-IR) adalah satu pangkalan data yang dibangunkan oleh Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan menggunakan perisian *EPrints*. Dari segi istilah yang mudah Institusi Repositori adalah sistem yang boleh menyimpan dan mengumpul hasil penyelidikan dan penerbitan ilmiah staf UMP dalam format digital. Bahan tersebut kemudiannya boleh dicari dan boleh dimuat turun untuk kegunaan pengguna. UMP-IR adalah mod akses terbuka di mana ia boleh diakses secara percuma oleh sesiapa sahaja menggunakan talian internet.

Faedah IR Terhadap Organisasi

Amat penting bagi sesebuah institusi pengajian tinggi (IPT) menguruskan aset penyelidikan dan pendidikan serta karya ilmiah yang dihasilkan oleh staf mereka. Oleh itu, IR telah digunakan oleh hampir kesemua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia dalam menguruskan bahan penyelidikan mereka secara digital. Seperti di UMP sendiri, UMP-IR digunakan bagi tujuan yang sama.

Kepentingan dan kelebihan repositori adalah dapat menyumbangkan pembangunan yang bersepadu dan bersistematik dalam urusan menyimpan, mengurus, menggunakan, menyebar-luaskan dan mendapatkan semula aset intelek daripada staf UMP khususnya staf akademik. Dengan ini, ia dapat memaparkan kedalaman dan luasnya *output* intelektual para akademik UMP.

Teks Penuh

UMP-IR menawarkan akses teks penuh kepada kebanyakan bahan seperti kertas persidangan, tesis (terhad 24 muka surat), keratan akhbar dan jurnal artikel. Manakala karya seperti buku dan bab dalam buku

hanya mempamerkan senarai kandungan dan abstrak sahaja. Namun begitu, semua bahan yang ingin dipaparkan di UMP-IR mengambil kira faktor hak cipta yang perlu dipatuhi di mana tidak semua dapat diakses secara teks penuh.

Meningkatkan penarafan dalam 'Webometric'

Dokumen ilmiah yang terdapat di dalam UMP-IR yang boleh dimuat turun oleh pengguna IR akan dapat menaikkan '*ranking Webometric*' (www.webometrics.info). Di mana UMP memberikan komitmen yang jitu terhadap mewujudkan laman web yang interaktif dan ke arah akses terbuka. Antara faktor yang menentukan '*ranking webometric*' adalah *Scholar* (Sc), iaitu pengukuran berdasarkan jumlah penerbitan, laporan penelitian ataupun jurnal yang diterbitkan oleh universiti tersebut boleh diakses melalui *Google Scholar*. Semakin banyak maklumat yang boleh diakses percuma, semakin ramai orang akan melayari laman web UMP-IR dan laman web rasmi UMP dan semakin meningkat '*ranking webometric*' dalam kalangan univeriti seluruh Malaysia dan dunia umumnya. Kini, UMP berada di tangga ke-7 di peringkat Malaysia (April 2014).

Meningkatkan 'Citation Index'

Kesan dan kepentingan yang paling ketara adalah peningkatan '*Citation Index*' atau indeks sitasi. Faktor ini juga memberi faedah yang sangat baik kepada penyelidik atau penulis artikel. Sekiranya ramai yang membaca atau memuat turun sesuatu artikel untuk dijadikan rujukan, dan membuat '*citing*' terhadap artikel tersebut bererti artikel itu dikatakan berkualiti dan terbaik. Dengan ini, akan meningkatkan jumlah sitasi artikel tersebut. Selain itu, ia dapat menjadikan salah satu agen promosi dalam menaikkan nama penulis artikel itu sendiri dan juga nama UMP. Semakin ramai yang mengenali karya ilmiah penulis itu, semakin ramai juga akan mengenali UMP.

Kepentingan UMP-IR kepada Universiti

Seperti sedia maklum, penarafan universiti diukur melalui pengajaran, pembelajaran dan juga penyelidikan dalam sesebuah IPT.

Instrumen Malaysia Research Assessment (MyRA) adalah salah satu daripada medium pengukuran bagi memantau prestasi dan menilai pencapaian penyelidikan yang dilakukan oleh IPT berdasarkan beberapa kriteria yang telah digariskan. UMP telah menetapkan bahan-bahan di dalam UMP-IR adalah salah satu sumber data yang asli bagi pengumpulan data penerbitan. Data UMP-IR juga akan diperluaskan penggunaannya dalam pengumpulan data bagi Anugerah Cendekia Bitara dan penilaian bagi kenaikan pangkat para akademik.

Sangat penting bagi para akademik memuat naik bahan penerbitan ilmiah mereka ke dalam UMP-IR. Perpustakaan UMP sentiasa bersedia dalam menyokong meningkatkan visibiliti dan prestij UMP. Promosi dan *roadshow* berkaitan UMP-IR telah berjalan dan akan terus dijalankan bagi meningkatkan kesedaran para akademik dalam kepentingan pengumpulan bahan-bahan ilmiah di dalam UMP-IR.

Institusi Repositori adalah sistem yang boleh menyimpan dan mengumpul hasil penyelidikan dan penerbitan ilmiah staf UMP dalam format digital. Bahan tersebut kemudiannya boleh dicari dan boleh dimuat turun untuk kegunaan pengguna.

HOME NORTH AMERICA LATIN AMERICA EUROPE ASIA AFRICA ARAB WORLD OCEANIA BY AREAS TOP INSTITUTIONALS TOP PORTALS

Home » Home

About Us


- About Us
- Contact Us


About the Ranking


- Methodology
- Objectives

Resources

- Best Practices
- Links

 www.mavir.net





Home

Content Rankings

ENTER YOUR KEYWORDS Search

Advanced search


ONLY OF THE TYPE(S) *

- WORLD RANKING
- CONTINENTAL RANKING
- COUNTRY RANK

Advanced search

Search results

Malaysia

Ranking	World Ranking	Institute	Country	Size	Visibility	Rich Files	scholar
7	474	Universiti Malaysia Pahang Institutional Repository		1365	579	589	319

Penarafan Webometric pada April 2014

Universiti Malaysia PAHANG

UMPIR INSTITUTIONAL REPOSITORY (UMPIR)
Open Access Repository of UMP
Repository & Publication

http://umpir.comp.usm.edu.my

Introduction

- Home
- About UMP Repository

Browse Repository

- by Year
- by Subject
- by Faculty
- by Types
- by Author or Editor

Advanced Search

Browse by Type

Please select a value to browse from the list below:

- Article (476)
- Book (2)
- Book (1)
- Book Chapter (6)
- Conference or Exhibition Item (78)
- Image (1)
- Thesis (1)
- Thesis (10)
- Other (6)
- Other (1)
- Other (20)
- Other (1)

Jenis-jenis bahan yang terdapat di dalam UMPIR

Introduction

- Home
- About UMP Repository

Browse Repository

- by Year
- by Subject
- by Faculty
- by Types
- by Author or Editor


Advanced Search

Browse by Faculty and Year

Please select a value to browse from the list below:

- University Malaysia Pahang (1838)
 - Centre For Modern Languages and Human Sciences (117)
 - Centre of Automotive Engineering (1)
 - Faculty of Chemical & Natural Resources Engineering (890)
 - Faculty of Civil Engineering & Earth Resources (220)
 - Faculty of Computer System And Software Engineering (299)
 - Faculty of Electrical & Electronic Engineering (521)
 - Faculty of Industrial Sciences And Technology (181)
 - Faculty of Manufacturing Engineering (95)
 - Faculty of Mechanical Engineering (1360)
 - Faculty Technology (41)
 - Information Technology and Communication Centre (7)
 - Library (47)
 - Unspecified (180)


Jumlah bahan mengikut fakulti/jabatan pada 21 Mei 2014



Judul Buku : **ASSIGNMENT WRITING IN UNIVERSITY**
 Penulis : **Mohd Ghani Awang**
 ISBN : **978-9670-691-176**
 Harga : **RM30.00**
 Muka Surat : **48**

Sinopsis :


Tugasan kerja khusus merupakan salah satu syarat kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk menamatkan pengajian mereka di universiti. Tugasan ini meliputi kira-kira 40 peratus daripada markah keseluruhan setiap subjek. Kelemahan dalam menyediakan laporan mendorong kepada kegagalan untuk mendapatkan keputusan cemerlang. Justeru, buku ini adalah panduan kepada pelajar universiti dalam menyiapkan tugas kerja khusus yang diberikan pensyarah. Buku ini membimbing pelajar untuk menulis laporan kerja dengan lebih efisien dan seterusnya membantu mereka untuk mendapatkan markah yang cemerlang.



Judul Buku : **PRESENTATION SKILLS FOR UNDERGRADUATE**
 Penulis : **Mohd. Ghani Awang**
 ISBN : **978-967-069-106-1**
 Harga : **RM33.00**
 Muka Surat : **83**

Sinopsis :


Keberkesanan dalam menyampaikan pembentangan hasil kajian adalah amat diperlukan dalam pendidikan, sosial dan kehidupan peribadi. Dengan memahami apa yang ingin disampaikan, pembentang akan menyedari apa isi yang perlu diberitahu kepada audiens. Kadang kala, mesej tidak kesampaian kepada mereka kerana pembentang kurang kemahiran bercakap untuk menerangkan maklumat yang ingin disampaikan kepada mereka. Justeru, buku ini membimbing pembentang khususnya pelajar universiti untuk mempelajari teknik pembentangan yang berkesan seperti kemahiran lisan, keyakinan diri dan lain-lain lagi.



Judul Buku : AL MAJALLAH: PANDUAN SYARIAH INSTITUSI KEWANGAN ISLAM
Penulis : Abdul Jalil Borham
ISBN : 978-967-0691-5
Harga : RM135.00
Muka Surat : 446

Sinopsis :

Buku ini diambil dari Buku Panduan Syarak oleh Ahli Jawatankuassa Syariah Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Majalah Ahkam Johor: Kod Undang-Undang Sivil Islam Kerajaan Johor 1331H/1913M yang diselenggarakan oleh penulis pada 2002 dan diterbitkan Penerbit Universiti Teknologi Malaysia. Ia adalah terjemahan Majallah al Ahkam al 'Adliyyah yang dilaksana oleh Kerajaan Turki Uthmaniyyah pada 1885 Masihi. Kemudian ia diperakui oleh Sultan Turki pada tahun yang sama dan diguna pakai di seluruh Empayar Kerajaan Uthmaniyyah sebagai kod undang-undang sivil Islam berkaitan muamalat meliputi sistem perbankan dan kewangan Islam.



Judul Buku : MODUL PANDUAN PEMARKAHAN LATIHAN INDUSTRI BERSTRUKTUR UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN AWAM
Penulis : Azhani Zukri & Wafty Abdul Rahman
ISBN : 978-967-0120-997
Harga : RM30.00
Muka Surat : 80

Sinopsis :

Buku panduan ini merupakan garis panduan bagi penilaian pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Awam yang sedang menjalankan Latihan Industri Berstruktur. Buku ini menerangkan secara terperinci mengenai Modul Latihan Industri Berstruktur yang diguna pakai di Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam UMP, sejak dua tahun lalu. Latihan Industri Berstruktur ini dijalankan dengan kerjasama CIDB, di mana pelajar yang telah menamatkan latihan akan dianugerahkan sijil penyertaan oleh CIDB. Sijil ini merupakan salah satu nilai tambah kepada pelajar yang mana sebahagian besarnya akan berkhidmat dalam bidang kejuruteraan dan pembinaan. Walau bagaimanapun, panduan pemarkahan ini boleh diguna pakai oleh kursus kejuruteraan lain yang berkaitan dalam bidang pembinaan. Jenis penilaian yang diterangkan dalam buku ini adalah merangkumi penilaian semasa latihan, penilaian laporan akhir serta penilaian sesi pembentangan.



Di Sebalik Penubuhan *Eyes of UMP*

Penubuhan Galeri Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 6 Februari 2012 telah memberi nafas baharu dalam merencanakan lagi dunia pendidikan dan penyelidikan yang sedia ada di UMP. UMP yang selain dikenali dengan kehebatan makmal-makmalnya yang bertaraf dunia, sekali lagi tercipta satu episod baharu dalam sejarah penubuhan UMP apabila galeri UMP ini terbina dengan berlandaskan impian dan cita-cita besar UMP untuk menjadikan ia sebagai sebuah khazanah yang cukup bermakna sekali dan sekaligus ia dapat menggambarkan apa UMP sebenarnya.

Galeri ini bertemakan "*Green Technology*" yang mana reka bentuk bangunan dihasilkan oleh arkitek UMP dengan kerjasama penyelidik daripada Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA). Hasil daripada penyelidikan yang telah dijalankan ini, maka bangunan galeri ini direka bentuk mesra alam serta mempunyai ciri-ciri "*artificial intelligent*", jimat tenaga dan pintar. Struktur utama bangunan tersebut diperbuat daripada *light weight concrete beam*.

Apa yang lebih membanggakan, bangunan galeri ini turut mempraktikkan kejayaan penyelidik dari FKASA yang menggunakan penghawa dingin tanpa *compressor* yang pertama di dunia. Secara tidak langsung dengan kejayaan terciptanya "*Compressorless Air Conditioner*" ini dan diguna pakai dalam pembinaan galeri menjadikan galeri ini amat bermakna sekali buat UMP.

Eyes of UMP yang turut merujuk kepada galeri itu sendiri merupakan satu gambaran sangat signifikan akan penubuhannya.

Bertitik tolak dengan cadangan penubuhan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti pada tahun 2010, ia bukan sahaja bertujuan untuk mempamerkan kejayaan dalam dunia penyelidikan sahaja malah ia turut diisi dengan pelbagai perkongsian menarik perihal UMP sendiri yang pastinya setiap satu daripadanya mempunyai jalan cerita sendiri dan akan meninggalkan cerita sejarah untuk menjadi rujukan buat masa akan datang.

Ekoran daripada kejayaan yang dikecapi setiap tahun dalam dunia penyelidikan sama ada di dalam atau luar negara, maka satu inisiatif untuk mempamerkan kejayaan produk ini buat tatapan umum sangat relevan dengan penubuhan galeri ini pada asasnya. Pameran produk dan penyelidikan UMP yang bukan sahaja pernah memenangi mana-mana pertandingan di peringkat antarabangsa, malah ada sesetengah produk juga sudah dipatenkan dan sangat berpotensi untuk dikomersialkan, sudah pastinya sesuatu yang harus dipamerkan untuk pengunjung yang ingin mengenali UMP lebih dekat. Dunia penyelidikan dan UMP merupakan dua perkara yang berkait rapat kerana penyelidikan merupakan nadi untuk mengerakkan UMP ke peringkat lebih tinggi.

Selain melihat peri penting aspek penyelidikan buat UMP, galeri ini juga turut dibina bagi memperkasakan aktiviti kemasyarakatan melalui lawatan masyarakat luar untuk mengenali UMP dengan lebih dekat lagi. Melalui lawatan sekolah umpamanya, galeri akan memberi gambaran sebenar tentang UMP yang bukan sahaja

mengandungi produk penyelidikan, malahan identiti dan sejarah UMP itu sendiri yang menghiasai setiap ruang di galeri.

Bangunan galeri yang dibina mengandungi tiga tingkat yang setiap satu daripadanya mempunyai bahagian masing-masing untuk dijadikan pameran. Aras bawah, mengandungi pameran mengenai sejarah UMP supaya pelawat terlebih dahulu mengenali UMP sebelum melihat penyelidikan dan pencapaian-pencapaian UMP yang lain. Antara pameran yang disediakan di bahagian sejarah UMP ialah sejarah-sejarah kecemerlangan UMP yang terdiri daripada gambar-gambar Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Canselor, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, mantan Naib Canselor dan sejarah pembangunan UMP.

Manakala bagi aras kedua pula merupakan bahagian yang dikhaskan untuk penyelidikan dan inovasi. Bahagian ini mempamerkan bahan penyelidikan yang mempunyai nilai untuk dikomersialkan, dipatenkan dan yang memperoleh anugerah dalam mana-mana pertandingan. Di sini juga turut disediakan satu ruang yang dikenali sebagai bilik Tenagar Pintar (*Smart Energy Room*) yang menggunakan penukaran arus elektrik dengan menggunakan sebuah kotak tenaga pintar (*Smart Energy Box*) yang dicipta oleh penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) bagi menjimatkan elektrik sehingga mencecah 36% kadar penjimatan. Dengan menggunakan *Light Emitting Diode* (L.E.D.), penggunaan tenaga pencahayaan dalam bilik ini turut dapat dijimatkan juga.



Bagi aras ketiga pula merupakan bahagian yang disusun untuk mempamerkan pencapaian para pelajar dan turut dibina satu kawasan terbuka (*Open Area*) yang boleh digunakan untuk pelbagai tujuan. Pencapaian para pelajar yang dipamerkan sama ada dalam bidang penyelidikan, sukan dan rekreasi atau sebagainya. Apa yang membanggakan UMP selain daripada peri pentingnya kejayaan para penyelidik, para pelajar juga turut tidak ketinggalan menyumbangkan jasa mereka dalam menaikkan nama UMP sebagai sebuah institusi teknologi yang terulung di Malaysia. Dalam dunia penyelidikan, para pelajar yang telah membawa kejayaan besar buat UMP menerusi penciptaan kereta solar UMP di *Shell Eco Marathon Perodua Eco Challenge* turut dipamerkan di bahagian ini.

Selain daripada gambar penyelidikan tersebut, terdapat juga sorotan gambar yang membuktikan kegigihan pelajar UMP, saudari Mirza Fasha dari FKEE yang telah berjaya menawan puncak Gunung Everest. Antara lain yang turut menarik untuk dipertontonkan kepada masyarakat umum ialah e-Angklung hasil ciptaan FKEE, Bangku Kayu Nano ciptaan FKSA dan projek Membrain iaitu penggunaan air hujan kepada air terawat yang boleh diminum serta digunakan sebagai penyiraman pokok di sekeliling galeri tersebut yang juga hasil ciptaan FKASA.

Sesungguhnya, amat besar matlamat penubuhan galeri ini supaya ia dapat menjadi mata bagi UMP dalam memberi gambaran sebenar UMP kepada masyarakat luar. Melalui lawatan-lawatan yang telah dijalankan sejak awal penubuhannya, ternyata galeri ini mendapat reaksi yang positif daripada beberapa pelawat yang pernah menjejakkan kaki ke galeri tersebut.

Semoga hasrat murni penubuhan galeri ini tercapai dan menjadikan UMP sebagai sebuah universiti terulung yang dikenali. Penubuhan galeri dilihat sebagai satu lagi usaha pendekatan UMP yang baharu supaya bukan sahaja masyarakat luar hanya mengenali dan melihat UMP dari jauh, tapi

dapat menjejakkan kaki sendiri ke UMP untuk melihat kejayaan yang telah dicapai oleh Universiti Teknologi Pilihan Utama ini.

“EXCELLENCE SHOWCASE”

Profesor Madya Dr. Mohd Amris Lajis dari ORICC, Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (UTHM).

“I AM SO IMPRESSED. WISH YOU ALL THE BEST”

Dr. Khamis Saleh Al-Bulushi, Kedutaan Oman.

“INFORMASI YANG BERKESAN”

Saidin B. Ahmad @ Hassan, SMK Paya Keladi, Kepala Batas, Pulau Pinang

“BAGUS”

Halimaton Sadiyah Abd Rahman, Sekolah Sains Haji Ahmad Shah, Pekan, Pahang.



Bakat Kepimpinan Bentuk Pasukan Berprestasi Tinggi



Oleh:
MOHD. RAIZALHILMY BIN
MOHD. RAIS
hilmy@ump.edu.my

Kepimpinan merupakan satu aspek yang sangat penting dalam menentukan arah haluan dan kejayaan sesuatu kelompok manusia seperti keluarga, kumpulan, institusi atau organisasi. Walaupun terdapat pelbagai gaya kepimpinan, setiap gaya perlu disesuaikan dengan kumpulan tertentu mengikut keadaan dan juga hasil objektif tertentu untuk memacu dan menjana modal insan ke arah produktiviti yang tinggi.

Sebuah organisasi yang berjaya bukan sahaja aktif dalam menggalakkan semangat berpasukan, tetapi sentiasa mencari mekanisme untuk membangunkan kemahiran berpasukan bagi meningkatkan peranan sesebuah pasukan itu. Keberkesanan kemahiran ini amat dipengaruhi oleh kepelbagaian bakat yang wujud dalam sesebuah organisasi untuk mendokong aspirasi dan inspirasi organisasi mencapai kecemerlangan. Abad ke-21 menuntut beberapa perubahan ketara yang perlu dilakukan di dalam organisasi bagi memahami persekitaran dengan aturan-aturan baharu di dalam dunia yang saling berangkaian (*interconnected*). Antara cabarannya ialah memahami aturan atau konsep sistem di dalam persekitaran yang saling berkait antara entiti yang wujud atau ekosistem tersebut. Tahap kompleksiti mengurus sesebuah organisasi akan bertambah apabila terdapat entiti atau dirujuk sebagai pekerja yang mempunyai kepelbagaian profil kebolehan, keupayaan atau bakat.

Namun dalam abad ke-21 ini, penguasaan ekonomi dan juga kelangsungan organisasi banyak terkesan dengan kebolehan berinovasi, kepelbagaian yang wujud di dalam organisasi perlu dilihat sebagai aset penting bukan sahaja untuk kelangsungan organisasi malah sebagai landasan untuk mencapai kecemerlangan. Institusi Pengajian Tinggi (IPT) misalnya merupakan organisasi

yang sangat penting dalam pembangunan sesebuah negara bukan sahaja dalam aspek memberi pendidikan tinggi kepada rakyat bagi keperluan pasaran kerja malah sebagai agen transformasi dan pemacu perubahan masyarakat dalam menyusuri abad ke-21. Maka, kepelbagaian bakat yang ada dalam institusi tersebut perlu dilihat sebagai aset dan pemangkin kepada perubahan-perubahan yang dijangka perlu dilaksanakan kerana cabaran-cabaran baharu yang dihadapi di dalam organisasi memerlukan pasukan kerja yang berprestasi tinggi.

Kewibawaan pemimpin membawa pengikut berfikir dan berusaha banyak memberi kesan kepada kejayaan sesebuah organisasi mahupun sesebuah negara. Kepimpinan merupakan satu aspek yang sangat penting dalam menentukan arah haluan dan kejayaan sesuatu kelompok manusia seperti keluarga, kumpulan, institusi atau organisasi. Walaupun terdapat pelbagai gaya kepimpinan, setiap gaya perlu disesuaikan dengan kumpulan tertentu mengikut keadaan dan juga hasil objektif tertentu untuk memacu dan menjana modal insan ke arah produktiviti yang tinggi.

Organisasi hari ini menghadapi persekitaran yang bergelora yang perubahan sentiasa berlaku secara berterusan. Bagi menghadapi cabaran ini, sesebuah organisasi perlu melaksanakan aktiviti dengan lebih berkesan, sentiasa peka dengan perubahan

persekitaran luaran, meningkatkan kualiti, mengurangkan kos dan menggunakan sepenuhnya modal intelektual mereka (Castka, Bamber, Sharp, & Belohoubek, 2001).

Dalam persekitaran kumpulan dinamik seperti institusi pengajian tinggi, ianya memerlukan sebuah pasukan yang mempunyai minat yang tinggi untuk menyumbang secara signifikan kepada pembangunan organisasi. Tahap signifikan ini perlu diukur bukan sahaja dari penilaian seorang pemimpin atau ketua, malah penilaian sendiri juga amat penting bagi membentuk satu semangat kepunyaan (*self-belonging*) dan merasa bertanggungjawab terhadap jatuh atau banggunya sesebuah organisasi tanpa mengira tahap kedudukan pangkat seseorang pekerja tersebut.

Dalam membawa sesebuah organisasi ke arah pertumbuhan yang dinamik, terdapat beberapa model ciri pasukan berprestasi tinggi. Antaranya adalah pemimpin sebagai model contoh, melahirkan bakat terbaik, persekitaran pasaran yang strategik, kepelbagaian lapisan kepimpinan, membangunkan kapasiti, sumber pasukan yang kreatif, percaya dan sentiasa berkomunikasi serta berani mengambil risiko. Colenso (2000) mendefinisikan pasukan berprestasi tinggi melalui dua komponen iaitu prasyarat merangkumi tujuan, kuasa, sokongan dan objektif serta ciri-ciri yang berkaitan seperti kemahiran interpersonal, penglibatan membuat keputusan, kreativiti, dan pengurusan persekitaran luaran.



Pasukan berprestasi tinggi mempunyai fikiran yang lebih mendalam tentang tujuan, matlamat prestasi yang lebih bercita-cita tinggi, pendekatan yang lebih lengkap, akauntabiliti yang tinggi dan berkemahiran. Terdapat tujuh faktor yang membezakan pasukan berprestasi tinggi yang dianggap sebagai sebuah 'pasukan impian'. Antaranya adalah mempunyai persefahaman dan *platform* yang kukuh, wawasan yang sama, persekitaran yang kreatif, percambahan idea-idea baharu, ketahanan terhadap halangan, sentiasa berhubung dengan aktif dan belajar dari pengalaman.

Pasukan berprestasi tinggi mempunyai fikiran yang lebih mendalam tentang tujuan, matlamat prestasi yang lebih bercita-cita tinggi, pendekatan yang lebih lengkap, akauntabiliti yang tinggi dan berkemahiran. Terdapat tujuh faktor yang membezakan pasukan berprestasi tinggi yang dianggap sebagai sebuah 'pasukan impian'. Antaranya adalah mempunyai persefahaman dan *platform* yang kukuh, wawasan yang sama, persekitaran yang kreatif, percambahan idea-idea baharu, ketahanan terhadap halangan, sentiasa berhubung dengan aktif dan belajar dari pengalaman.

Dalam konteks ini, perkhidmatan awam yang merupakan populasi besar dalam masyarakat masa ini sentiasa berhadapan dengan cabaran daripada pelbagai aspek; iaitu ekspektasi pemegang taruh, pengaruh globalisasi dan kehendak rakyat tanpa had sempadan. Perkhidmatan awam juga perlu berubah dalam melangkaui ekspektasi organisasi melalui pendekatan kreativiti dan inovasi. Ianya sejajar dengan matlamat teras kedua misi nasional iaitu meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda negara dalam melahirkan modal insan yang memiliki minda kelas pertama untuk menghadapi cabaran pembangunan ekonomi berlandaskan ilmu pengetahuan dan inovasi.

Universiti juga dianggap sebagai agen transformasi negara dan tempat untuk melahirkan modal insan yang mempunyai keupayaan pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi unggul melalui transformasi pengajian tinggi negara. Aspek kepimpinan perlu diperkasakan melalui beberapa inisiatif seperti pelan penggantian, pengurusan bakat, penilaian, penentuan piawai dan sebagainya. Inisiatif ini akan menyumbang kepada pembangunan perubahan minda dan pemerkasaan kepimpinan kepada golongan pelapis akademik dan tadbir urus di samping

merangsang perkongsian ilmu merentasi IPT sebagai agen transformasi negara.

Kepelbagaian bakat kepimpinan ini memperlihatkan ianya perlu digarap melalui komponen utama iaitu gaya pemikiran yang kreatif, kepentingan tugas melalui pengukuhan dan wawasan yang sama serta ciri-ciri tingkah laku yang berkait rapat kepada ketahanan terhadap halangan, berhubung aktif dan belajar daripada pengalaman. Kepelbagaian bakat harus berdasarkan *profiling* bagi memastikan bahawa "*the right person to do the job right*". Kepelbagaian bakat, kemahiran dan kepakaran yang ada pada warga organisasi abad ke 21 ini menuntut penghijrahan daripada "*idea of authority*" kepada "*authority of idea*". Kejayaan sesebuah organisasi diukur berdasarkan kepada kecekapan, keberkesanan, produktiviti, kualiti produk serta penyampaian yang akhirnya memerlukan kepimpinan yang menilai secara realistik, berupaya melakukan anjakan paradigma serta berfikiran jauh.

Penulis ialah Penolong Pendaftar Kanan, Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa, Universiti Malaysia Pahang. Beliau juga merupakan Ketua Biro Pembangunan Rakan Sekerja, Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas UMP dan Ahli Majlis Persatuan Pentadbir IPTA (MASTI).





Strategi lautan biru UMP bersama ECERDC dalam membangunkan masyarakat luar bandar

Strategi Lautan Biru (*Blue Ocean Strategy*) yang digarapkan dalam pelaksanaan Program Pembangunan Modal Insan oleh UMP bersama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) ini bertujuan memberikan mereka peluang pekerjaan agar dapat menikmati taraf hidup yang lebih baik pada masa hadapan.



Oleh:
ZAINAL BIN BAHARI
zainal@ump.edu.my

Kewujudan Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjadi pemangkin dalam merencanakan pembangunan di negeri Pahang bukan sahaja dalam menghasilkan bidang kepakaran universiti namun ianya sekaligus meningkatkan taraf hidup masyarakat, merangsang pertumbuhan ekonomi, memudahcara transformasi dan yang pastinya terus memberi manfaat besar kepada penduduk sekitar.

Strategi Lautan Biru (*Blue Ocean Strategy*) yang digarapkan dalam pelaksanaan Program Pembangunan Modal Insan oleh UMP bersama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) ini bertujuan memberikan mereka peluang pekerjaan agar dapat menikmati taraf hidup yang lebih baik pada masa hadapan. Dengan sasarannya terhadap penduduk luar bandar yang terdiri dalam kalangan golongan miskin tegar, wanita dan belia yang tinggal jauh dari bandar, usaha yang dijalankan tiga tahun lalu kini mula menampakkan kejayaan hasil usaha sama melibatkan gandingan kerjasama erat antara UMP dan ECERDC ini.

Melalui kluster pendidikan yang diperkenalkan dalam Program Empower ECER

ianya mampu meningkatkan kefahaman masyarakat luar bandar terhadap nilai keusahawanan yang boleh menjana pendapatan yang lebih tinggi terutamanya dalam kalangan peserta agropolitan di Runchang, Lepar dan Tangga Batu yang juga dinikmati penduduk di sekitar Kuala Pahang.

Bersesuaian dengan kewujudan UMP yang terletak berhampiran dengan kawasan Zon Ekonomi Khas ECER, ianya turut menjadi penggerak terhadap pelaksanaan Program Empower ECER Mahkota Kuala Pahang yang diilhamkan sendiri Canselor UMP, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Al-Hajj Ibnu Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang mensasarkan pembangunan akademik dan kemahiran khususnya di Mukim Kuala Pahang. Ianya kini dilihat semakin berkembang dan meluas ke beberapa lokasi sekitar daerah Pekan bermula tahun ini.

Program yang dilaksanakan ECER dan UMP yang diterjemahkan melalui program khidmat komuniti ini menjadi medan interaksi di antara warga UMP dengan masyarakat melibatkan beberapa projek yang diusahakan bersama beberapa jabatan

di UMP iaitu Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) atau kini dikenali sebagai UMP Advanced Education (UAE) dengan kerjasama Persatuan Wanita UMP (MATAHARI).

Di samping Program Pembangunan Akademik, inisiatif lain yang dijalankan ialah Latihan Kemahiran & Keusahawanan. Inisiatif ini mampu mentransformasi aras pencapaian sosioekonomi dan taraf hidup kumpulan sasaran yang terlibat dalam jangka masa panjang bagi meningkatkan motivasi dan pencapaian akademik pelajar serta menyuntik





semangat peserta untuk menempuh kehidupan dengan lebih maju. Program Latihan Kemahiran & Keusahawanan yang dijalankan ialah Kursus Kulinari (Masakan 1Malaysia); Kursus Penjagaan Selepas Bersali; Kursus Tatarias Kecantikan (Rawatan Muka, Badan & Solekan); Kursus Dandan & Spa Rambut; Kursus Jahitan; Kursus Pendawaian Elektrik; Kursus Sijil Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan Program Pembangunan & Bimbingan Keusahawanan.

Program pendidikan penggerak pembangunan modal insan

Begitu juga dengan bidang pendidikan yang memainkan peranan yang penting dalam memacu ekonomi negara malah sebagai enjin utama dalam menggerakkan pembangunan modal insan penduduk luar bandar. Justeru, Program Latihan Akademik Empower ECER Mahkota ini memberi peluang anak peserta Agropolitan dan sekolah-sekolah terpilih daerah Pekan yang akan menduduki peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) mengikuti kelas tuisyen, kem motivasi, seminar peperiksaan, *Super Camp*, latihan dalam kumpulan (LDK), Modul Sains, Matematik & Teknologi (SMT), lawatan sambil belajar, *Ghani Format Learning Methodology* dan program inovasi berkonsepkan Celik Komputer atau Teknologi Maklumat (IT).

Program yang bermula pada 2011, telah melibatkan seramai 2,057 pelajar luar bandar memperoleh manfaat daripada program pembangunan akademik ini yang digerakkan oleh pensyarah dan pelajar UMP serta sokongan daripada pihak sekolah dan Pejabat Pelajaran Daerah. Antara sekolah yang terlibat adalah Sekolah Kebangsaan Indera Shahbandar, Sekolah Kebangsaan Serandu, Sekolah Kebangsaan Lepar, Sekolah Kebangsaan Runchang, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Yoke Hwa, Sekolah Kebangsaan Tanah Puteh, Sekolah Kebangsaan Peramu Jaya, Sekolah Kebangsaan Pekan Jaya, Sekolah Kebangsaan Sri Maulana, Sekolah Kebangsaan Tanjung Batu, Sekolah Kebangsaan Nenasi, Sekolah Menengah Kebangsaan Indera Shahbandar, Sekolah Menengah Kebangsaan Peramu Jaya, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Mahmud Mat, Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan, Sekolah Menengah Kebangsaan Nenasi dan Sekolah Menengah Kebangsaan Lepar, Pekan.

UMP dan ECERDC turut melaksanakan program latihan dan motivasi melibatkan seramai 802 peserta projek Agropolitan Pekan yang terdiri dalam kalangan penduduk

dari Agropolitan Batu 8 Lepar, Agropolitan Runchang dan terbaharu Agropolitan Tanjung Batu sebagai usaha memberi kesedaran peserta untuk turut berperanan bagi meningkatkan pencapaian pelajar dan kepentingan pendidikan untuk mengubah taraf hidup mereka.

Program Latihan Kemahiran

Turut diperkenalkan adalah latihan kemahiran yang dapat meningkatkan taraf ekonomi dalam kalangan belia dan golongan wanita di kawasan Pekan apabila seramai 225 orang peserta program yang melibatkan belia, suri rumah dan ibu tunggal mengikuti lapan program yang ditawarkan iaitu Kursus Kulinari (Masakan 1Malaysia); Kursus Penjagaan Selepas Bersalin; Kursus Tatarias Kecantikan (Rawatan Muka, Badan & Solekan); Kursus Dandan & Spa Rambut; Kursus Jahitan; Kursus Pendawaian Elektrik; Kursus Sijil Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan Program Pembangunan & Bimbingan Keusahawanan. Program yang memakan masa selama dua tahun dan dijalankan secara hujung minggu termasuk bimbingan oleh usahawan berjaya dengan sasaran setiap peserta mampu untuk membuka perniagaan sendiri dan meningkatkan pendapatan selepas mengikuti program ini.

Hasil usaha ini, peserta kini mampu memperoleh pendapatan tambahan antara RM800 hingga RM1,500 sebulan dan terdapat dalam kalangan peserta yang berjaya mengembangkan perniagaan dan memiliki pendapatan bulanan mencecah empat angka. Antaranya adalah Nor Lisa Azam yang membuka perniagaan De' Kuala Café di Bangunan RTC Pahang, Hafiz Musa, di Kiosk Telefon Bimbit di Pekan dan Shabidin Daniel yang membuka Bengkel Automotif di Kampung Bentan, Pekan.

Kepakaran UMP terokai penyelidikan lebih inovatif

Dalam berkongsi kepakaran dalam bidang pembangunan penyelidikan, UMP terus aktif dalam meneroka idea-dea baharu yang lebih kreatif dan inovatif dengan memberi peluang seluas-luas dalam kalangan penyelidikannya untuk memanfaatkan ilmu teknologi yang dapat menyumbang terhadap peningkatan kualiti dalam kehidupan rakyat di negara ini.

Kerjasama lain juga melibatkan kerjasama UMP, ECERDC dan Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BioTech Corp) dalam merealisasikan hasrat menjadikan Pahang sebagai Pusat Bio-aromatik dengan pembangunan Pahang Bio-aromatic Park. Usaha digerakkan menerusi inisiatif membangunkan potensi komersial

pati minyak dari tumbuhan herba yang dipanggil nilam dan seterusnya berkembang dengan penubuhan Pusat Kecemerlangan (COE) Bio Aromatik di UMP.

Begitu juga dengan Syarikat Evolve Holding SA yang turut mengumumkan bakal bekerjasama dengan UMP bagi menubuhkan sebuah Pusat Kecemerlangan Sainstifik Sebatian Semulajadi di bawah kluster perisa dan *fragrance* di negeri Pahang bagi menyokong usaha menjadikan negeri Pahang sebagai Pusat Bio-Aromatik.

Projek ini memperlihatkan peranan BiotechCorp selaku pemudahcara di bawah Program Transformasi Perdana Bioekonomi Malaysia (*Bio-Accelerator* Pembangunan Teknologi dan Inovasi) bagi pembangunan sebatian semula jadi menggunakan platform pengeluaran berasaskan yis penapaian dengan matlamat mewujudkan satu paradigma baharu dalam pengeluaran yang mampan bagi sebatian semulajadi bernilai tinggi di Malaysia.

Wujudnya industri baharu ini pastinya dapat memberi peluang merencanakan ekonomi kepada penduduk setempat dengan penawaran bidang kerja baharu untuk dinikmati penduduk khususnya di negeri ini.

Terkini, menerusi Program Empower ECER Mahkota ini juga, satu kompleks medan ikan bakar dan pusat pengumpulan serta jualan hasil laut akan dibangunkan di Kuala Pahang. Kompleks ini akan diusahakan oleh bekas peserta bimbingan Program Kulinari (Masakan 1Malaysia) Program Empower ECER Mahkota. Kompleks tersebut kini dalam proses pembinaan dan dijangka akan mula beroperasi pada hujung tahun hadapan.

Kesimpulannya

Pelbagai inisiatif yang dijalankan UMP ini juga mampu mentransformasi aras pencapaian sosioekonomi dan taraf hidup kumpulan sasaran yang terlibat dalam jangka masa panjang bagi meningkatkan motivasi, kehadiran dan pencapaian akademik pelajar serta menyuntik semangat mereka untuk menempuh kehidupan dengan lebih maju. Kewujudan UMP kini bukan sahaja diketahui dan dilihat perkembangannya malah lebih dirasai dan dimanfaatkan bersama penduduk setempat. Malahan, penglibatan pelajar dalam menjayakan inisiatif ini juga mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan yang akan memberi nilai tambah kepada pelajar dalam melahirkan graduan yang bersifat futuristik, berfikiran baharu dan bertatasusila tinggi pada masa depan.

Penulis ialah Pengurus Program Empower ECER Mahkota UMP.

Universiti Teknologi Pilihan Utama

Pengurusan
Industri

Kejuruteraan
Elektrik
& Elektronik

Kejuruteraan
Pembuatan

Kejuruteraan
Kimia
& Sumber
Asli

Teknologi
Kejuruteraan

Kejuruteraan
Awam
& Sumber
Alam

Sains
& Teknologi
Industri

Kejuruteraan
Mekanikal

Sistem
Komputer
& Kejuruteraan
Perisian

Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak
26300 Gambang
Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel. : 09 549 2020
Faks : 09 549 3199
e-Mel: pro@ump.edu.my

<http://www.facebook.com/universiti.malaysia.pahang>

www.ump.edu.my







Universiti Malaysia PAHANG

Diterbitkan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Pejabat Naib Canselor

Universiti Malaysia Pahang

Lebuhraya Tun Razak

26300 Gambang

Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel. : 09 549 2020

Faks : 09 549 3199

e-Mel : pro@ump.edu.my

<http://www.facebook.com/universiti.malaysia.pahang>